JABATAN TENAGA KERJA
SEMENANJUNG MALAYSIA


















# LAPORAN TAHUNAN 2023

# ISI KANDUNGAN


1. **MADAH PENGHARGAAN, WADAH PENGHARAPAN**........................................................ **5**

2. **PROFIL KORPORAT**........................................................................................................ **8**
   - I. Visi **9**
   - II. Misi **9**
   - III. Objektif **9**
   - IV. Dasar Kualiti **10**
   - V. Moto **10**
   - VI. Falsafah **10**
   - V. Piagam Pelanggan **11**

3. **TADBIR URUS**.................................................................................................................. **12**
   - I. Pengurusan Tertinggi **13**
   - II. Carta Organisasi **14**
   - III.. Bahagian Ibu Pejabat **16**

4. **SEKILAS FAKTA PENCAPAIAN 2023**............................................................................ **28**

5. **PENGUATKUASAAN**...................................................................................................... **30**
   - I. Penguatkuasaan Undang-Undang Perburuhan **31**
   - II. Undang-Undang Yang Dikuatkuasakan **32**
   - III. Piawaian Perburuhan Antarabangsa **33**
   - IV. Pemeriksaan **34**
     - Pemeriksaan Berkanun
     - Pemeriksaan Estet
     - Pemeriksaan Penginapan Pekerja
   - V. Operasi Penguatkuasaan **47**
     - Operasi Penguatkuasaan Bersepadu
     - Operasi Penguatkuasaan ATIP di bawah Akta AntiPemerdagangan Orang dan AntiPenyeludupan Migran 2007
   - VI. Permit, Pelesenan dan Perakuan **51**
     - Permit Perburuhan
     - Perakuan Penginapan Pekerja
     - Pelesenan Agensi Pekerjaan Swasta
     - Dokumen Pengenalan Diri
     - Kelulusan Pelan Bangunan dan Sijil Layak Menduduki
   - VII. Pengendalian Aduan **60**
     - Aduan Perburuhan
     - Aduan Gangguan Seksual
     - Aduan Gaji Minimum
   - VIII. Kertas Siasatan, Kompaun dan Pendakwaan **64**
   - IX. Mahkamah Buruh **65**
     - Kes Buruh
   - X. Pemberhentian Pekerja **67**

XI. Pindaan Undang-Undang 70
- Intipati Utama Pindaan Akta Kerja 1955 [Akta 265]

XII. Pembatalan Perintah Kerja (Pengecualian) 2012 72

XIII. Pengurusan Pekerja Asing 73
- Kelulusan Awal Penggajian Pekerja Asing di bawah Seksyen 60K Akta Kerja 1955
- Permohonan Pertukaran Majikan Menggajikan Pekerja Asing
- Permohonan Pertukaran Majikan Khas (PTM) Khas
- Pekerja Domestik Asing
- Pekerja Domestik Indonesia (PDI)
- *Demand Letter Attestation* Bagi Pengambilan Pekerja Asing Warganegara Nepal
- Pampasan Pekerja Asing

**6. PROMOSI** ........ **83**

I. Seminar 84

II. Pendidikan Perburuhan 85
- Penerbitan
- Program Pendidikan Perburuhan

III. Program Kolaborasi Strategik Berkaitan Pekerjaan 88

IV. Khidmat Nasihat Perburuhan 90

**7. PENGURUSAN PENTADBIRAN** ........ **91**

I. Pengurusan Kewangan 92

II. Latihan Pembangunan Modal Insan 93
- Latihan
- Kursus Antarabangsa

III. Pembangunan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan 94

IV. Penghargaan dan Pengiktirafan 95
- Penulisan Artikel Terbaik
- Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

**8. PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT** ........ **100**

I. Portal Jabatan 101
- Naik Taraf Portal Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia

II. Sistem Sedia Ada Jabatan 102
- *Labour Market Database* (LMD)
- Sistem *e-Labour Court* (eLC)
- Sistem Permohonan Perakuan Penginapan Akta 446
- Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx)

**9. PERANCANGAN STRATEGIK JABATAN** ........ **103**

I. Pelan Strategik Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia 2021 - 2025 104

II. Pencapaian *Key Performance Indicator* (KPI) Jabatan 2023 105

III. Mesyuarat Kajian Separuh Penggal JTKSM 2023 106

IV. Persidangan Hala Tuju 2024 Pegawai-Pegawai Kanan JTKSM 107

**10. SULAMAN MEMORI** ........ **108**

**11. PEJABAT JTKSM** ........ **142**

**12. SIDANG REDAKSI** ........ **145**

# MADAH PENGHARGAAN, WADAH PENGHARAPAN

Bismillahirrahmanirrahim
Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah dan segunung kesyukuran dilafazkan kehadrat Allah S.W.T dengan limpah rahmatNya, dapat kita menghasilkan Buku Laporan Tahunan (BLT) 2023 pada kali ini dan ia dihasilkan secara buku dalam talian atau *e-book*. Penghasilan BLT 2023 merupakan tindakan wajar bagi merakamkan perjalanan dan segala kegiatan warga kerja Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) dalam menterjemah dan menggerakkan fungsi jabatan selaras dengan perundangan yang dikuatkuasakan.

Syabas dan sekalung ucapan tahniah juga terima kasih dizahirkan kepada ahli sidang redaksi yang terlibat sepanjang proses penghasilan dan penerbitan BLT 2023 ini.

BLT 2023 yang mengangkat tema "*Energizing Labour Protection Through Enforcement*" dilihat sangat bertepatan dengan situasi yang dihadapi oleh JTKSM sepanjang tahun 2023. Pelbagai isu dan peristiwa kita hadapi tanpa sedikit ruang untuk mengelak jauh sekali untuk menidakkannya.

Sepanjang tahun 2023, kita dituntut untuk memacu setiap inci kudrat dan semangat kita dalam melaksanakan fungsi jabatan juga menggerakkan tanggungjawab yang diamanahkan. Sebagaimana kita sedia maklum bahawa seawal 2023, warga kerja JTKSM perlu berganding bahu dalam penguatkuasaan Akta Kerja 1955 (Pindaan) 2022 yang bukan sahaja melibatkan satu atau dua penambahbaikan bahkan hampir 16 perkara meliputi pelbagai aspek perburuhan.



Walaupun penguatkuasaan pindaan tersebut pada dasarnya dirangka pada tahun 2022 tetapi dilewatkan pada 2023, ia bukan tiket untuk memandang remeh akan tuntutan terhadap komitmen juga kudrat para pegawai JTKSM khasnya di lapangan. Ini kerana, selain melakukan penguatkuasaan dan pemeriksaan seperti biasa, para pegawai juga perlu memastikan bahawa majikan siap siaga untuk memahami dan mematuhi sepenuhnya pindaan akta kerja tersebut.

Selain itu, pindaan akta kerja turut melihat pemakaian terhadap Seksyen 60K Akta Kerja 1955 yang mana pada asalnya hanya mewajibkan majikan memberikan maklumat berhubung penggajian dan penamatan pekerja asing mereka. Namun, mulai 2023, pindaan terhadap pemakaian seksyen ini memberikan kuasa tambahan kepada Ketua Pengarah JTKSM untuk mengeluarkan 'kelulusan awal' (*prior approval*) kepada mana-mana majikan yang berhasrat dalam menggajikan pekerja asing. Pindaan ini menjadi suatu fungsi yang sangat mencabar apatah lagi dengan perubahan pucuk pimpinan Kerajaan. Akan tetapi, tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua pegawai JTKSM sama ada di ibu pejabat mahupun negeri dan cawangan yang berjaya menggalas tugas dalam memastikan semua pindaan akta ini sampai dan difahami oleh komuniti perburuhan khususnya para majikan dan para pekerja amnya.

Di samping memastikan tahap penguatkuasaan terhadap pindaan akta kerja, kita juga berdepan dengan pelaksanaan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang baru dalam proses pelesenan kepada Agensi Pekerjaan Swasta (APS). SOP baru ini memperlihatkan kecekapan kita dalam memproses permohonan lesen APS yang mana sebelum ini dalam tempoh 60 hari namun SOP baru menetapkan untuk proses tersebut dipendekkan kepada 30 hari.

Tahun 2023 bukan sahaja menyajikan kita dengan perubahan *landscape* perundangan dan garis panduan. Malahan, tahun 2023 juga turut menghidangkan kita dengan isu yang bukan sekadar menguji ketahanan fizikal tetapi juga mental dan emosi yakni isu buruh paksa dan pekerja asing terabai. Situasi ini menjadi suatu fenomena yang amat menuntut kestabilan emosi dan kewarasan minda para pegawai juga pengurusan dalam mendepani aduan berhubung pekerja terabai. Istilah pekerja terabai ini timbul ekoran para pekerja asing terbabit dibawa masuk ke dalam negara secara sah tetapi malangnya setiba mereka dalam negara didapati pekerjaan yang dijanjikan sebenarnya tiada. Malahan, aduan yang kita terima bukan sahaja daripada orang awam sebaliknya melibatkan kedutaan dan ianya menguji kesabaran kita dalam menangani isu pekerja asing terabai ini.

Bahkan, senario berhubung pekerja asing terabai ini seolah-olah datang sekali sebagai pakej dalam usaha kita membendung buruh paksa, tambahan pula apabila kita berjaya menerbitkan dan meluncurkan buku Garis Panduan Mencegah dan Membasmi Amalan Buruh Paksa di Tempat Pekerjaan pada September tahun 2023.

Menelusuri tahun 2023 sememangnya memberikan suatu pengalaman berliku dalam perjalanan kerjaya para pegawai dan juga warga JTKSM. Namun demikian, ada juga beberapa perkara yang boleh dijadikan suatu kebanggaan dan batu loncatan dalam kita mendepani pelbagai cabaran. Antaranya adalah kejayaan dalam merubah laman sesawang JTKSM yang dinaik taraf kepada portal. Penambahbaikan ini menyaksikan portal jabatan lebih interaktif dan menarik dan bukan lagi statik. Kita juga berjaya menganjurkan program kerjasama dengan pihak Pertubuhan Buruh Antarabangsa (*International Labour Organization*: ILO) yang menyaksikan kehadiran para pegawai ILO dari ibu pejabat di Bangkok, Thailand melalui forum bertajuk "Diskriminasi Dalam Pekerjaan" yang juga merupakan salah satu pindaan dalam Akta Kerja 1955 pada tahun 2022.

Selain itu, kita juga berjaya mempelbagaikan usaha penyampaian fungsi jabatan sama ada melalui program kesedaran (*awareness programme*) mahupun *real enforcement* dengan kapasiti dan keupayaan tenaga pegawai yang terhad. Program kesedaran yang dijalankan meliputi aspek pendidikan perburuhan yang menjadi antara mekanisme berkesan dalam menyampaikan perubahan mahupun pindaan akta dan menjadi *platform* komunikasi dua (2) hala antara jabatan dan juga pemegang taruh termasuklah majikan dan pekerja. Di samping itu, penambahbaikan dan naik taraf segala panduan juga SOP menjadi suatu sumber mendidik masyarakat industri terhadap pelbagai isu dan perubahan dalam perundangan industri perburuhan negara. Program kesedaran ini juga turut diperluaskan dengan memanfaatkan penggunaan media sosial bagi memastikan ruang lingkup capaian kita adalah tidak terhad.

Manakala dalam aspek penguatkuasaan secara jitu (*real enforcement*), para pegawai kita perlu sentiasa siap siaga untuk melaksanakan operasi sama ada bergerak solo sebagai jabatan sahaja atau bersepadu yakni dengan kehadiran jabatan mahupun agensi lain. Selain itu, pemeriksaan berkanun juga dilaksanakan secara berterusan dan aktiviti *One Visit Policy* (OVP) dipergiatkan. Kesemua ini amat menuntut tenaga dan masa para pegawai sedangkan realitinya segala aktiviti dan program juga fungsi jabatan ini digerakkan dengan jumlah pegawai dan kapasiti yang terhad.

Secara keseluruhan dan ringkasnya, tahun 2023 merupakan tahun yang bukan sahaja memberikan cabaran tetapi juga memperkukuhkan keupayaan dan kredibiliti jabatan juga para warganya dalam mendukung dan menterjemah sepenuhnya fungsi jabatan. Malahan, selaras dengan tema yang diketengahkan, tahun 2023 menjadi tahun untuk kita memastikan bahawa perlindungan terhadap industri perburuhan negara adalah diperkasakan dan dipertingkatkan melalui pelaksanaan fungsi JTKSM yakni penguatkuasaan dan pemeriksaan.

Sebelum saya akhiri ruangan ini, selaku ketua jabatan saya menzahirkan madah penghargaan terhadap usaha dan pencapaian yang ditunjukkan oleh semua warga JTKSM di semua peringkat sama ada ibu pejabat, negeri mahupun cawangan bagi komitmen yang ditunjukkan sepanjang Tahun 2023. Tahniah dan syabas atas segala sumbangan dan komitmen anda semua.

Sekian, terima kasih.



YBrs. Encik Kamal Bin Pardi
Ketua Pengarah
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia

# PROFIL KORPORAT

# VISI, MISI & OBJEKTIF

## VISI



Peneraju utama penguatkuasaan, perundangan dan pentadbiran perburuhan negara.

## MISI



Memperkasakan penguatkuasaan dan pentadbiran perburuhan bagi memastikan hak dan kepentingan pekerja dan majikan dilindungi serta terpelihara.

## OBJEKTIF



- Melindungi kepentingan dan memajukan kebajikan masyarakat industri.
- Membantu industri meningkatkan daya saing bagi menghadapi cabaran-cabaran globalisasi.
- Menjadikan masyarakat industri yang berpengetahuan dalam bidang-bidang berkaitan undang-undang perburuhan untuk membina suasana perburuhan yang kondusif bagi pembangunan perindustrian dan pelaburan.

# DASAR KUALITI, MOTO & FALSAFAH

## DASAR KUALITI

Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia adalah komited untuk mengendalikan sebarang aduan buruh demi mewujudkan suasana kerja yang harmoni bagi menjamin kepuasan pelanggan dan ditingkatkan secara berterusan.




## MOTO

Untuk memastikan perkhidmatan jabatan sentiasa cemerlang, pegawai dan kakitangan sentiasa diminta menggunakan minda yang kreatif semasa melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka.

## FALSAFAH

Falsafah perkhidmatan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia menjelaskan peranan jabatan sebagai orang tengah di antara pekerja dan majikan bagi mengekalkan keharmonian di tempat kerja. Melalui falsafah ini, jabatan berkeyakinan tanggungjawab pekerja dan majikan akan terlaksana sementara hak pekerja dan majikan terpelihara.

# PIAGAM PELANGGAN

Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia komited dalam memberikan perkhidmatan perburuhan secara profesional dan berintegriti serta menfokuskan kepada kriteria berikut:

1. Menyiasat dan memaklumkan hasil siasatan setiap aduan berkaitan isu perburuhan dalam tempoh 21 hari bekerja dari tarikh pengaduan.
2. Menyelesaikan pengaduan kes buruh melalui mekanisme Mahkamah Buruh dalam tempoh 90 hari dari tarikh pemfailan.
3. Mengeluarkan keputusan permohonan lesen di bawah Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 dalam tempoh 30 hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap.
4. Memproses permohonan lesen hiburan awam di bawah Akta Kanak - Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 dalam tempoh 14 hari dari tarikh permohonan lengkap diterima.
5. Menyelesaikan permohonan penggajian pekerja asing dalam tempoh 14 hari dari tarikh permohonan diterima.
6. Memberi khidmat nasihat serta menjawab pertanyaan pelanggan dengan cepat, tepat dan mesra.
7. Memproses Permohonan Perakuan Penginapan di bawah Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 dalam tempoh 21 hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima.

# TADBIR URUS

# PENGURUSAN TERTINGGI

**ENCIK KAMAL BIN PARDI**
Ketua Pengarah



**PUAN BETTY BINTI HASAN**
Timbalan Ketua Pengarah
(Operasi)

**ENCIK T. SHANMUGAM**
Timbalan Ketua Pengarah
(Pengurusan dan Pembangunan)

# CARTA ORGANISASI



**ENCIK KAMAL BIN PARDI**
Ketua Pengarah
Jusa B



**PUAN BETTY BINTI HASAN**
Timbalan Ketua Pengarah
(Operasi)
Jusa C



**ENCIK T. SHANMUGAM**
Timbalan Ketua Pengarah
(Pengurusan & Pembangunan)
Jusa C



**ENCIK ZAINI BIN YAACOB**
Pengarah
Bahagian Perundangan & Penguatkuasaan
S54



**TUAN HAJI NASIR BIN HAJI KASSIM**
Pengarah
Bahagian Dasar & Perancangan Strategik
S54



**ENCIK WAN ISMAIL BIN WAN IBRAHIM**
Pengarah
Bahagian Standard Perburuhan
S54



**PUAN MERIAM BINTI MOHD NOOR**
Pengarah
Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan
S52



**PUAN AZMAH BINTI BAKHIR**
Pengarah
Bahagian Khidmat Pengurusan
M52



**ENCIK MOHD HAJAZY BIN JUSOH**
Pengarah
Bahagian Pekerja Asing
S52



**ENCIK MUHAMMAD ZULFIKRI BIN MOHD NASIR**
Pegawai Undang-Undang
L44



**CIK JENNIFER BINTI ABDUL**
Pegawai Perhubungan Awam
S44



**TUAN HAJI AHMAD MUDI ONN BIN NOR**
Pengarah
JTK WP Kuala Lumpur
S54



**TUAN HAJI MUHAMMAD FAUZI BIN ABD GHANI**
Pengarah
JTK Perak
S54



**ENCIK CHE MOHD ROKMAN BIN CHE AWANG**
Pengarah
JTK Selangor
S54



**ENCIK MOHD AZMI BIN MUHAMMUD**
Pengarah
JTK Johor
S54



**YM ENGKU ADLIN BIN YM ENGKU MOHD ARIFFIN**
Pengarah
JTK Pulau Pinang
S54



**TUAN HAJI PEZMAN BIN CHE HUSSIN**
Pengarah
JTK Pahang
S52



**ENCIK ROSLAN BIN BAHARI**
Pengarah
JTK Negeri Sembilan
S52



**ENCIK ISKANDAR BIN JASSA**
Pengarah
JTK Perlis
S48



**ENCIK ARZANIL BIN BAHADON**
Pengarah
JTK Kedah
S48



**PUAN NAZIYAH BINTI SAID**
Pengarah
JTK Melaka
S48



**ENCIK SULKIFLI BIN SILANG**
Pengarah
JTK Kelantan
S48



**ENCIK MOHD NASIR BIN AB. RAJAB**
Pengarah
JTK Terengganu
S48



**ENCIK AG. ISMAIL BIN AG. TANGAH**
Pengarah
JTK WP Labuan
S44

# BAHAGIAN IBU PEJABAT

## BAHAGIAN PERUNDANGAN & PENGUATKUASAAN

Bahagian ini bertanggungjawab untuk merancang, mengurus dan memantau pelaksanaan undang-undang perburuhan supaya sesuai dengan keperluan dan perkembangan semasa bagi memelihara hak dan kebajikan pekerja serta majikan di negara ini.



## UNIT DI BAWAH BAHAGIAN

### 1 UNIT PERUNDANGAN

- Pindaan Undang-Undang
- Kes Buruh
- Permit

### 2 UNIT PENGUATKUASAAN

- Pendakwaan dan Kompaun
- Pasukan Khas Penguatkuasaan dan ATIP

## FUNGSI BAHAGIAN

1. Mengurus dan menyelaras perkara-perkara yang melibatkan semakan dan pindaan terhadap undang-undang perburuhan dan peraturan-peraturan sedia ada.
2. Merangka dan menggubal perundangan subsidiari yang baharu di bawah undang-undang perburuhan.
3. Memberi pandangan dan nasihat berkaitan isu peruntukan undang-undang di bawah bidang kuasa jabatan kepada pemegang taruh, organisasi-organisasi, badan-badan korporat dan individu.
4. Menyelaras dan memantau perkara berkaitan fungsi quasi kehakiman dan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Buruh di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan.
5. Menganalisis keputusan-keputusan Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Perusahaan berhubung dengan isu-isu yang melibatkan undang-undang perburuhan untuk disesuaikan dengan dasar dalaman jabatan.
6. Mengurus, menyelaras dan memantau aktiviti pengeluaran permit dan memberi pengecualian kepada para majikan daripada beberapa peruntukan tertentu di bawah undang-undang buruh atau peraturan-peraturan di bawahnya termasuk kuasa memberi kelulusan ke atas permohonan permit.
7. Merancang, menyelaras dan memantau aktiviti-aktiviti penguatkuasaan undang-undang di peringkat negeri seperti kertas siasatan, pendakwaan, kompaun serta tindakan penguatkuasaan perintah Mahkamah Buruh.
8. Merancang, menyelaras dan menjalankan operasi-operasi penguatkuasaan jabatan atau bersepadu dengan agensi penguatkuasaan yang lain.
9. Bekerjasama erat dengan agensi penguatkuasaan lain dalam menangani isu buruh paksa termasuk menyiasat aduan, menjalankan operasi menyelamat mangsa dan menempatkan mangsa di rumah perlindungan.
10. Meningkatkan kesedaran masyarakat umum melalui hebahan berhubung indikator-indikator berlakunya buruh paksa terutama berkaitan tanggungjawab majikan dan hak pekerja.

## BAHAGIAN STANDARD PERBURUHAN

Bahagian ini bertanggungjawab merancang, menyelaras dan memantau aktiviti berkaitan dengan perlindungan kebajikan pekerja bagi mewujudkan suasana perburuhan yang adil dan harmoni. Ini bagi memastikan majikan mematuhi piawaian perburuhan di bawah undang-undang perburuhan yang dikuatkuasakan.



## UNIT DI BAWAH BAHAGIAN

1. UNIT TINDAKAN PERBURUHAN
2. UNIT PERUMAHAN, PENGINAPAN DAN KEMUDAHAN PEKERJA ESTET
3. UNIT ADUAN
4. UNIT PARLIMEN DAN PROMOSI
5. UNIT HAL EHWAL WANITA, KANAK-KANAK DAN ORANG KURANG UPAYA

## FUNGSI BAHAGIAN

1. Memantau dan memastikan kebajikan pekerja di sektor swasta dilindungi selaras dengan standard minimum yang ditetapkan di bawah undang-undang perburuhan melalui aktiviti pemeriksaan termasuk di sektor perladangan.
2. Membantu menangani isu yang dibangkitkan pelanggan melalui aduan berkaitan haknya di bawah undang-undang perburuhan.
3. Menyelaras serta menguruskan aktiviti berkaitan pengeluaran kelulusan dan perakuan penginapan pekerja.
4. Merancang dan menggubal program-program untuk meningkatkan kualiti kehidupan pekerja di sektor perladangan dari segi perumahan dan kemudahan-kemudahan asas.
5. Menyelaras pelaksanaan aktiviti-aktiviti pendidikan perburuhan.
6. Merancang dan menyelaras aktiviti pembasmian dan menangani gangguan seksual di tempat kerja.
7. Menyelaras maklumat untuk penyediaan jawapan Parlimen di Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

## BAHAGIAN PEKERJA ASING

Bahagian ini bertanggungjawab untuk merancang, menyelaras dan memantau pengurusan penggajian pekerja asing yang bekerja di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan.



## UNIT DI BAWAH BAHAGIAN

1. UNIT KAWAL SELIA PENGGAJIAN PEKERJA ASING
2. UNIT PAMPASAN DAN KEBAJIKAN PEKERJA

## FUNGSI BAHAGIAN

1. Merancang, menyelaras, mengurus dan memantau hal-ehwal berkaitan dengan pelaksanaan dasar penggajian pekerja asing.
2. Menyelaras dan mengurus semakan dasar penggajian pekerja asing sedia ada.
3. Menyelaras, mengurus dan memantau permohonan penggajian pekerja asing.
4. Memantau penggajian pekhidmat domestik asing.
5. Mengurus dan memantau pengurusan kewangan pampasan pekerja di bawah Akta Pampasan Pekerja 1952.

# BAHAGIAN DASAR & PERANCANGAN STRATEGIK

Bahagian ini bertanggungjawab merancang, menyelaras dan memantau hala tuju dan pelan strategik jabatan ke arah pencapaian objektif organisasi yang cemerlang.



## UNIT DI BAWAH BAHAGIAN

1. UNIT DATA DAN ANALISIS
2. UNIT DASAR DAN TRANSFORMASI
3. UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT
4. UNIT PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN KUALITI

## FUNGSI BAHAGIAN

1. Merangka, menyelaras dan memantau pembentukan sasaran serta kamus indeks petunjuk prestasi bagi aktiviti-aktiviti jabatan.
2. Mengurus, menyelaras dan menganalisis data aktiviti jabatan.
3. Menyelaras dan menerbitkan laporan aktiviti jabatan secara berkala.
4. Merangka, mengkaji dan menyelaras dasar serta hala tuju jabatan bagi tujuan penambahbaikan melalui pelan strategik dan pelan tindakan.
5. Menyelaras dan memantau pematuhan jabatan terhadap konvensyen serta piawaian perburuhan antarabangsa yang diratifikasi.
6. Mengurus, menyelaras dan memantau pembangunan, penyelenggaraan serta perolehan berkaitan sistem, rangkaian dan aset *Information and Communications Technology* (ICT) jabatan.
7. Merancang, mengkaji dan menyelaras pembangunan standard serta kualiti aktiviti jabatan bagi memacu pengurusan jabatan yang bersistematik.

## BAHAGIAN PERKHIDMATAN PEKERJAAN

Bahagian ini menyelaras, mengurus dan memantau pelesenan Agensi Pekerjaan Swasta (APS). Ini termasuk mengawal selia aktiviti merekrut oleh APS dan menguatkuasakan peruntukan undang-undang berdasarkan Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981.



## UNIT DI BAWAH BAHAGIAN

**UNIT**
**UNIT AGENSI PEKERJAAN SWASTA**

## FUNGSI BAHAGIAN

1. Memantau, mengurus, dan memproses pengeluaran lesen APS.
2. Mengawal selia aktiviti merekrut pekerja tempatan, pekhidmat domestik asing dan pekerja bukan warganegara.
3. Memantau, mengurus, dan memproses pengeluaran dokumen pengenalan diri bagi pekerja APS.
4. Menjalankan aktiviti pemantauan pematuhan pelesenan APS.
5. Memantau dan mengurus aktiviti berkaitan permohonan penggajian pegawai dagang.

## BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

Bahagian ini bertanggungjawab merancang, menyelaras, memantau dan mengurus hal ehwal khidmat pengurusan merangkumi pengurusan sumber manusia, kewangan, perolehan, aset dan pentadbiran am, komunikasi dan perhubungan awam jabatan. Ini bagi memastikan pengurusan operasi jabatan berjalan dengan cekap dan teratur menggunakan sumber kewangan dan perbelanjaan secara optimum.



## UNIT DI BAWAH BAHAGIAN

1. UNIT PENTADBIRAN AM
2. UNIT SUMBER MANUSIA
3. UNIT KEWANGAN & AKAUN
4. UNIT PEROLEHAN & PEMBANGUNAN

## FUNGSI BAHAGIAN

1. Mengurus, menyelaras dan memantau pentadbiran jabatan seperti pengurusan fail, penggunaan dan penyelenggaraan kenderaan jabatan, pengurusan dan pengemaskinian aset dan stor serta menjaga keselamatan dokumen jabatan.
2. Mengurus hal ehwal pembangunan organisasi dan perkhidmatan seperti perjawatan dan pelantikan, kenaikan pangkat, penilaian prestasi, tatatertib dan persaraan pegawai.
3. Merancang, menyelaras dan menganjur program, kursus dan latihan dalam dan luar negara.
4. Mengurus dan memantau peruntukan kewangan dan perakaunan jabatan supaya peruntukan yang diperoleh dibelanjakan dengan berhemat mengikut prosedur dan tatacara semasa.
5. Mengurus dan memantau perolehan dan projek pembangunan jabatan.
6. Merancang, mengurus, menyelaras dan memantau aktiviti komunikasi korporat dan perhubungan awam jabatan.

# SEKILAS FAKTA PENCAPAIAN 2023

# SEKILAS FAKTA PENCAPAIAN 2023

**PEMERIKSAAN BERKANUN**
**23,835**

**PEMERIKSAAN ESTET**
**1,599**

**OPERASI PENGUATKUASAAN**
**444**

**ADUAN PERBURUHAN**
**10,599**

**KES BURUH**
**16,478**

**PERMOHONAN PEKERJA ASING**
**45,817**

**PENGELUARAN PERAKUAN PENGINAPAN PEKERJA**
**7,896**

**PERMIT PERBURUHAN**
**4,352**

**AGENSI PEKERJAAN SWASTA BERLESEN**
**1,163**

**KERTAS SIASATAN**
**1,699**

**KOMPAUN**
**798**

**PENDAKWAAN**
**391**

# PENGUATKUASAAN

# PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG PERBURUHAN

JTKSM adalah sebuah jabatan yang bertanggungjawab menguatkuasakan undang-undang perburuhan dan memastikan piawaian perburuhan dipatuhi oleh majikan. Justeru itu, JTKSM perlu tampil sebagai sebuah jabatan yang dipercayai, disegani dan berintegriti bukan sahaja di dalam negara malah di peringkat antarabangsa. Pelbagai aktiviti telah direncana secara komprehensif dan dilaksanakan pada tahun 2023 bagi memperkasa penguatkuasaan undang-undang dan pematuhan piawaian perburuhan serta meningkatkan kredibiliti penguatkuasaan.



Pelaksanaan aktiviti penguatkuasaan jabatan adalah selaras dengan Pelan Strategik JTKSM 2021-2025 (PS JTKSM) yang memberi tumpuan kepada perancangan yang lebih inklusif bagi mencapai visi jabatan iaitu "Peneraju Penguatkuasaan, Perundangan dan Pentadbiran Perburuhan Negara".






JTKSM juga bertanggungjawab ke atas kebajikan pekerja dan kepentingan majikan serta memastikan pelaksanaan dasar-dasar perburuhan negara melalui pentadbiran dan penguatkuasaan undang-undang buruh yang berkesan.

# UNDANG-UNDANG YANG DIKUATKUASAKAN OLEH JABATAN

Infografik 1: Senarai akta yang dikuatkuasakan oleh JTKSM.

1. Akta Kerja 1955 [Akta 265]
2. Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446]
3. Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 [Akta 246]
4. Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 [Akta 732]
5. Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 [Akta 350]
6. Akta Umur Persaraan Minimum 2012 [Akta 753]
7. Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670]
8. Akta Hari Kelepasan 1951 [Akta 369]
9. Akta Hari Kelepasan Mingguan 1950 [Akta 220]
10. Akta Maklumat Pekerjaan 1953 [Akta 159]
11. Akta Pampasan Pekerja 1952 [Akta 273]
12. Akta Kerja (Sekatan) 1968 [Akta 796]
13. Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 [Akta 612]

# PIAWAIAN PERBURUHAN ANTARABANGSA

Malaysia telah menjadi negara ahli *International Labour Organization* (ILO) sejak tahun 1957 yang merupakan sebuah organisasi di bawah *United Nations* (UN). ILO menggalakkan hak-hak pekerja di tempat pekerjaan, mewujudkan *decent employment opportunities*, meningkatkan dan memperluaskan perlindungan sosial serta mengukuhkan sosial dialog berkaitan dengan isu perburuhan. ILO juga bertanggungjawab untuk menetapkan piawaian perburuhan, membangunkan dasar perburuhan dan merangka program-program bagi mempromosikan *decent work* bagi semua golongan pekerja tanpa mengira jantina dan kategori pekerjaan. Setiap negara anggota termasuk Malaysia adalah digalakkan untuk menerima pakai standard-standard perburuhan antarabangsa dengan meratifikasi *Conventions* dan *Recommendations* yang sering dirujuk sebagai *International Labour Standards*.

Infografik 2: Senarai konvensyen utama ILO.

| **Konvensyen** | | **Ratifikasi** |
|---|---|---|
| C29 | *Forced Labour Convention, 1930*<br>*P29 – Protocol of 2014 to the Forced Labour Convention* | ✓ |
| C87 | *Freedom of Association and Protection of the Right to Organise Convention, 1948* | X |
| C98 | *Right to Organize and Collective Bargaining Convention, 1949* | ✓ |
| C100 | *Equal Remuneration Convention, 1951* | ✓ |
| C105 | *Abolition of Forced Labour Convention 1957 (denounced in 1990)* | ✓ |
| C111 | *Discrimination (Employment and Occupation) Convention, 1958* | X |
| C138 | *Minimum Age Convention, 1951* | ✓ |
| C155 | *Occupational Safety and Health Convention, 1981* | X |
| C182 | *Worst Forms of Child Labour Convention, 1999* | ✓ |
| C187 | *Promotional Framework for Occupational Safety and Health Convention, 2006* | ✓ |

# PEMERIKSAAN

## PEMERIKSAAN BERKANUN

Malaysia telah meratifikasi Konvensyen No. 81 ILO iaitu *Labour Inspection Convention* pada 1 Julai 1963. Konvensyen ini menggariskan pemeriksaan di tempat pekerjaan sebagai aktiviti utama dalam pentadbiran perburuhan. Pemeriksaan tempat pekerjaan merupakan salah satu cara bagi memastikan faedah dan perlindungan pekerja yang diperuntukkan di bawah undang-undang perburuhan dipatuhi oleh majikan. Objektif pemeriksaan tempat pekerjaan adalah seperti di Infografik 3.

Infografik 3 : Objektif pemeriksaan tempat pekerjaan.

1. **Melindungi dan mempromosi hak dan kebajikan pekerja melalui pematuhan undang-undang perburuhan oleh majikan.**
2. **Menyampaikan maklumat dan khidmat nasihat kepada majikan, pekerja dan pemegang taruh berkaitan undang-undang serta dasar perburuhan semasa.**
3. **Mengumpul maklumat berhubung amalan baik di tempat kerja untuk perkongsian dengan industri.**

JTKSM telah menjalankan sebanyak 23,835 pemeriksaan berkanun di tempat pekerjaan pada tahun 2023 seperti di Infografik 4. Sektor Perdagangan Borong & Runcit, Pembaikan Kenderaan Bermotor & Motosikal mencatatkan jumlah pemeriksaan tertinggi sepanjang tahun 2023 iaitu sebanyak 7,734 tempat pekerjaan yang mewakili 32.45% daripada jumlah keseluruhan pemeriksaan berkanun dijalankan manakala sektor Pembuatan mencatatkan jumlah kedua tertinggi sebanyak 3,414 (14.32%).

Statistik pemeriksaan berkanun yang dijalankan pada tahun 2023 menunjukkan penurunan sebanyak 7,771 pemeriksaan berbanding 31,606 pemeriksaan pada tahun 2022. Penurunan bilangan pemeriksaaan yang dijalankan adalah disebabkan oleh peningkatan pelaksanaan aktiviti utama yang lain seperti pengendalian kes buruh dan aduan kesan daripada pindaan Akta Kerja 1955.

Infografik 4: Statistik pemeriksaan berkanun mengikut sektor yang dikelaskan di bawah *Malaysian Standard Industrial Classification 2008 (MSIC)* bagi tahun 2023.

**JUMLAH PEMERIKSAAN BERKANUN**

**23,835**

| Sektor | Bilangan | Keterangan |
|---|---|---|
| A | 2,347 | Pertanian, Perhutanan & Perikanan |
| B | 189 | Perlombongan & Pengkuarian |
| C | 3,414 | Pembuatan |
| D | 53 | Bekalan Elektrik, Gas, Wap & Pendingin Udara |
| E | 116 | Bekalan Air, Pembentungan, Pengurusan Sisa & Aktiviti Pemulihan |
| F | 1,104 | Pembinaan |
| G | 7,734 | Perdagangan Borong & Runcit, Pembaikan Kenderaan Bermotor & Motosikal |
| H | 461 | Pengangkutan & Penyimpanan |
| I | 2,092 | Penginapan & Aktiviti Perkhidmatan Makanan & Minuman |
| J | 182 | Maklumat & Komunikasi |
| K | 305 | Aktiviti Kewangan & Insurans/ Takaful |
| L | 68 | Aktiviti Hartanah |
| M | 362 | Aktiviti Profesional, Saintifik & Teknikal |
| N | 1,155 | Aktiviti Pentadbiran & Khidmat Sokongan |
| O | 631 | Pentadbiran Awam & Pertahanan; Aktiviti Keselamatan Sosial Wajib |
| P | 175 | Pendidikan |
| Q | 541 | Aktiviti Kesihatan Kemanusiaan & Kerja Sosial |
| R | 99 | Kesenian, Hiburan & Rekreasi |
| S | 2,792 | Aktiviti Perkhidmatan Lain |
| T | 8 | Aktiviti isi rumah sebagai majikan |
| U | 5 | Aktiviti Badan dan Pertubuhan Luar Wilayah |
| V | 2 | Tidak Diklasifikasikan |

Sumber : JTKSM

Infografik 5 menunjukkan negeri Terengganu mencatatkan bilangan pemeriksaan berkanun tertinggi dengan 3,454 (14.49%) tempat pekerjaan diperiksa daripada 23, 835 pemeriksaan berkanun sepanjang tahun 2023. Johor pula mencatatkan bilangan pemeriksaan berkanun kedua tertinggi bagi tahun 2023 iaitu sebanyak 2,629 (11.03%). Pemeriksaan berkanun di WP Labuan mencatatkan bilangan yang terendah iaitu sebanyak 616 (2.58%). Bilangan pemeriksaan berkanun yang dijalankan di setiap negeri dipengaruhi oleh pelbagai faktor antaranya, bilangan tempat pekerjaan dan bilangan pegawai penguatkuasa di sesebuah negeri serta pemilihan sektor untuk aktiviti pemeriksaan.

Sepanjang tahun 2023, sebanyak 4,550 notis pematuhan telah dikeluarkan terhadap syarikat atau tempat pekerjaan atas pelbagai ketidakpatuhan terhadap undang-undang perburuhan seperti di infografik 5. Jumlah ini adalah lebih tinggi berbanding 4,530 notis pematuhan yang dikeluarkan pada tahun 2022. Negeri Johor mencatat rekod notis pematuhan tertinggi iaitu sebanyak 1,293 (28.41%) notis pematuhan diikuti Kedah iaitu sebanyak 484 (10.63%) notis pematuhan.

Notis pematuhan merupakan dokumen yang dikeluarkan kepada majikan susulan daripada pemeriksaan berkanun sekiranya majikan didapati tidak mematuhi undang-undang perburuhan. Notis pematuhan ini bertujuan memberi peluang kepada majikan membuat pembetulan terhadap ketidakpatuhan sebelum tindakan penguatkuasaan lebih tegas diambil. Mekanisme pembetulan melalui notis pematuhan dilaksanakan bagi memenuhi matlamat pemeriksaan sebagai tindakan pembetulan (*corrective action*) dan pencegahan (*preventive action*) dalam kalangan majikan terhadap pematuhan undang-undang dan piawaian perburuhan. Pemeriksaan tempat pekerjaan dan tindakan pembetulan yang telah diambil terhadap majikan, memaparkan komitmen JTKSM dalam memastikan pematuhan dan penguatkuasaan undang-undang perburuhan.

Infografik 5: Statistik pemeriksaan berkanun mengikut negeri dan notis pematuhan yang dikeluarkan bagi tahun 2023.

**23,835**
**JUMLAH PEMERIKSAAN**

**4,550**
**JUMLAH NOTIS PEMATUHAN**




Bilangan Pemeriksaan

Bilangan Notis Pematuhan

Sumber :JTKSM

## PEMERIKSAAN ESTET

Pemeriksaan estet merujuk kepada pemeriksaan perumahan dan kemudahan estet mengikut Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446]. Pemeriksaan ini memberi penekanan kepada pematuhan terhadap peruntukan akta berkaitan. Selain itu, pemeriksaan estet juga merupakan salah satu kaedah untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh pihak majikan dan pekerja estet. Justeru, aktiviti pemeriksaan estet yang dijalankan oleh jabatan merupakan salah satu mekanisme untuk memantapkan penguatkuasaan di sektor perladangan.

Infografik 6 menunjukkan jumlah pemeriksaan estet yang dijalankan pada tahun 2023 adalah sebanyak 1,599 pemeriksaan. Jumlah tersebut menunjukkan penurunan berbanding 1,615 pemeriksaan estet yang dijalankan pada tahun 2022. Pemeriksaan estet tertinggi dicatatkan di Johor dengan bilangan sebanyak 406 pemeriksaan diikuti dengan 310 pemeriksaan di Pahang.

Penurunan jumlah pemeriksaan estet pada tahun 2023 berbanding tahun 2022 disebabkan oleh penarafan semula kawasan ladang daripada bidang kuasa Majlis Daerah kepada Majlis Perbandaran. Penarafan semula ini menyebabkan seksyen 2, Bahagian II, Akta 446 adalah tidak terpakai.

Infografik 6 : Statistik pemeriksaan estet mengikut negeri bagi tahun 2023.




Sumber :JTKSM

**Maklumat Profil Estet**

Maklumat profil estet iaitu perumahan pekerja, bekalan elektrik, bekalan air, pusat asuhan kanak-kanak (PAKK), klinik, rumah ibadat dan jalan berturap adalah seperti di Infografik 7 hingga 10 dan Jadual 1 hingga 3.

Infografik 7: Statistik keseluruhan estet berbanding estet yang menyediakan perumahan pekerja mengikut negeri bagi tahun 2023.




Sumber :JTKSM

Infografik 8: Statistik rumah estet berdasarkan kategori standard dan substandard mengikut negeri bagi tahun 2023.

## BILANGAN RUMAH ESTET




**JUMLAH RUMAH ESTET**

**50,450**

**JENIS RUMAH**

| STANDARD | SUBSTANDARD |
|---|---|
| 29,814 | 20,636 |




Nota:

1. Rumah standard merujuk kepada rumah yang dibina selepas tahun 1990 dan telah memperolehi Perakuan Kelayakan daripada JTKSM.
2. Rumah substandard merujuk kepada rumah yang dibina sebelum tahun 1990 dan sebelum kuatkuasa Akta 446.

Sumber :JTKSM

Jadual 1: Statistik estet yang mempunyai bekalan elektrik mengikut negeri bagi tahun 2023.

| Negeri | Sumber Bekalan Elektrik Awam | | | Sumber Bekalan Elektrik Sendiri | Jumlah Keseluruhan |
|---|---|---|---|---|---|
| | Komersial | Domestik | Jumlah | Jumlah | |
| Pahang | 30 | 52 | 82 | 92 | 174 |
| Johor | 45 | 70 | 115 | 57 | 172 |
| Perak | 46 | 59 | 105 | 43 | 148 |
| Kelantan | 5 | 13 | 18 | 70 | 88 |
| Negeri Sembilan | 21 | 46 | 67 | 1 | 68 |
| Melaka | 20 | 9 | 29 | 9 | 38 |
| Terengganu | 8 | 14 | 22 | 15 | 37 |
| Selangor | 17 | 15 | 32 | 4 | 36 |
| Kedah | 11 | 18 | 29 | 5 | 34 |
| Perlis | 0 | 0 | 0 | 2 | 2 |
| Pulau Pinang | 1 | 0 | 1 | 0 | 1 |
| **Jumlah** | **204** | **296** | **500** | **298** | **798** |

Sumber :JTKSM

Nota:

1. Sumber Bekalan Elektrik Awam merujuk kepada Tenaga Nasional Berhad, manakala Sumber Bekalan Elektrik Sendiri merujuk kepada mesin janakuasa yang dimiliki estet masing-masing.
2. Domestik merujuk kepada meter persendirian untuk pelanggan kediaman, manakala komersial merujuk kepada *bulk meter* untuk untuk pejabat, kilang, industri dan lain-lain.

Jadual 2: Statistik sumber bekalan air di estet mengikut negeri bagi tahun 2023.

| Negeri | Sumber Bekalan Air Awam | | | Sumber Bekalan Air Sendiri | Jumlah Keseluruhan |
|---|---|---|---|---|---|
| | Komersial | Domestik | Jumlah | Jumlah | |
| Johor | 36 | 71 | 107 | 103 | 210 |
| Pahang | 24 | 48 | 72 | 115 | 187 |
| Perak | 24 | 64 | 88 | 51 | 139 |
| Kelantan | 3 | 11 | 14 | 99 | 113 |
| Negeri Sembilan | 24 | 40 | 64 | 15 | 79 |
| Selangor | 18 | 15 | 33 | 14 | 47 |
| Melaka | 22 | 10 | 32 | 7 | 39 |
| Terengganu | 8 | 14 | 22 | 8 | 30 |
| Kedah | 5 | 14 | 19 | 10 | 29 |
| Perlis | 0 | 0 | 0 | 2 | 2 |
| Pulau Pinang | 1 | 0 | 1 | 0 | 1 |
| **Jumlah** | **165** | **287** | **452** | **424** | **876** |

Sumber: JTKSM

Nota:

1. Sumber Bekalan Air Awam merujuk kepada syarikat bekalan air negeri masing-masing, manakala Sumber Bekalan Air Sendiri pula merujuk kepada air telaga atau air bawah tanah, air sungai, air tadahan dan lain-lain sumber.
2. Domestik merujuk kepada meter persendirian untuk pelanggan kediaman, manakala komersial merujuk kepada *bulk meter* untuk untuk pejabat,kilang, industri dan lain-lain.

Infografik 9: Statistik Pusat Asuhan Kanak-Kanak (PAKK) dan klinik di estet mengikut negeri bagi tahun 2023.

**184**
**JUMLAH PUSAT ASUHAN KANAK-KANAK (PAKK)**

**446**
**JUMLAH KLINIK**




Bilangan Pusat Asuhan Kanak-kanak

Bilangan Klinik

Sumber :JTKSM

Jadual 3: Statistik tempat ibadat di estet mengikut negeri bagi tahun 2023.

| Negeri | Masjid / Surau | Kuil | Tokong | Gereja |
|---|---|---|---|---|
| Johor | 264 | 137 | 57 | 8 |
| Kedah | 41 | 52 | 6 | 4 |
| Kelantan | 46 | 37 | 3 | 2 |
| Melaka | 16 | 35 | 6 | 4 |
| Negeri Sembilan | 94 | 61 | 27 | 9 |
| Pahang | 249 | 44 | 36 | 0 |
| Pulau Pinang | 2 | 4 | 6 | 0 |
| Perak | 98 | 156 | 7 | 8 |
| Perlis | 1 | 0 | 1 | 0 |
| Selangor | 45 | 63 | 3 | 12 |
| Terengganu | 79 | 1 | 1 | 0 |

**935**

**153**

**590**

**47**

**1,725**

**JUMLAH TEMPAT IBADAT**

Sumber: JTKSM

Infografik 10: Statistik jalan di estet yang berturap dan tidak berturap mengikut negeri bagi tahun 2023.

**JALAN BERTURAP**
44,303.72 (KM)

**JALAN TIDAK BERTURAP**
2,048.38 (KM)

| Negeri | Jalan berturap | Jalan tidak berturap |
|---|---|---|
| Johor | 399.80 | 673.65 |
| Kedah | 22.25 | 29.95 |
| Kelantan | 137 | 608.35 |
| Melaka | 17.95 | 14.50 |
| Pahang | 132.50 | 362.06 |
| Negeri Sembilan | 71.49 | 49.30 |
| Perak | 42,914.50 | 234.90 |
| Pulau Pinang | 0.00 | 0.10 |
| Selangor | 43.60 | 23.17 |
| Perlis | 0.60 | 0.00 |
| Terengganu | 564.03 | 52.40 |

Jalan berturap

Jalan tidak berturap

Sumber: JTKSM

## PEMERIKSAAN PENGINAPAN PEKERJA

Aktiviti pemeriksaan penginapan pekerja dijalankan selaras dengan pindaan Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446] yang berkuatkuasa pada 1 Jun 2020. Ini bertujuan memastikan majikan dan penyedia penginapan berpusat mematuhi peruntukan yang ditetapkan di bawah Akta 446.

Pemeriksaan penginapan pekerja merupakan langkah penting dalam pembangunan industri yang lestari dan berkesan bagi menepati piawaian yang ditetapkan di bawah Akta 446. Penyediaan penginapan dan kemudahan asas berasaskan spesifikasi Akta mampu untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing pekerja seterusnya mencipta persekitaran yang selamat, kondusif dan bersih.

Jadual 4 di bawah menunjukkan sebanyak 37,335 unit penginapan pekerja diperiksa pada tahun 2023 dengan pemeriksaan penginapan tertinggi dijalankan di Selangor iaitu sebanyak 11,800 (31.6%) pemeriksaan dan diikuti Johor sebanyak 6,965 (18.65%) pemeriksaan. Jumlah pemeriksaan penginapan pekerja menunjukkan peningkatan sebanyak 21,753 (139%) berbanding hanya 15,582 pada tahun 2022. Peningkatan jumlah pemeriksaan penginapan adalah bagi memperkasakan penguatkuasaan demi memelihara kebajikan dan kesejahteraan pekerja sejajar dengan tema '*Energizing Labour Protection Through Enforcement*'.

Jadual 4: Statistik pemeriksaan penginapan pekerja mengikut negeri bagi tahun 2023.

| Negeri | Bil. Penginapan (Unit) | Bil. Pemeriksaan | |
|---|---|---|---|
| | | Majikan | Penyedia Penginapan Berpusat |
| Selangor | 11,800 | 5,724 | 206 |
| Johor | 6,965 | 3,650 | 314 |
| WP Kuala Lumpur | 3,479 | 2,551 | 45 |
| Perak | 3,022 | 2,102 | 56 |
| Pulau Pinang | 2,877 | 1,704 | 785 |
| Melaka | 2,246 | 1,706 | 87 |
| Negeri Sembilan | 1,947 | 1,510 | 35 |
| Kedah | 1,775 | 862 | 73 |
| Kelantan | 1,597 | 225 | 0 |
| Pahang | 990 | 726 | 11 |
| Terengganu | 384 | 368 | 2 |
| Perlis | 222 | 133 | 3 |
| WP Labuan | 31 | 30 | 0 |
| **Jumlah** | **37,335** | **21,291** | **1,617** |

Sumber: JTKSM

# OPERASI PENGUATKUASAAN

## OPERASI PENGUATKUASAAN BERSEPADU

Operasi Penguatkuasaan Bersepadu merupakan penguatkuasaan bagi mengoptimumkan impak, strategi dan keberkesanan operasi di tempat pekerjaan yang dijalankan bersama-sama agensi lain seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). Operasi ini dilaksanakan selaras dengan bidang kuasa jabatan dan agensi-agensi yang terlibat berdasarkan isu-isu semasa. Selain itu, JTKSM turut terlibat dalam Operasi Penguatkuasaan Bersepadu KSM bersama-sama jabatan dan agensi di bawah KSM iaitu Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dan Cawangan Kawal Selia dan Penguatkuasaan (CKSP). Impak pelaksanaan Operasi Bersepadu adalah seperti di Infografik 11.

Infografik 11: Impak Pelaksanaan Operasi Bersepadu.



Infografik 12 menunjukkan sebanyak 388 operasi bersepadu telah dijalankan pada tahun 2023 dengan bilangan operasi bersepadu tertinggi dijalankan di Selangor iaitu sebanyak 65 operasi diikuti Johor dengan 49 operasi dan Pulau Pinang sebanyak 37 operasi. Jumlah operasi bersepadu menunjukkan peningkatan sebanyak 189 (95%) operasi berbanding 199 operasi pada tahun 2022. Peningkatan jumlah operasi bersepadu ini adalah selaras dengan misi jabatan untuk memperkasakan penguatkuasaan perburuhan secara lebih optimum.

Infografik 12: Statistik Operasi Penguatkuasaan Bersepadu mengikut negeri bagi tahun 2023.




Sumber: JTKSM

## OPERASI PENGUATKUASAAN ANTI TRAFFICKING IN PERSONS (ATIP)

JTKSM merupakan salah satu daripada lima agensi yang menguatkuasakan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670] bermula tahun 2010. Penguatkuasaan ini dilaksanakan melalui operasi penguatkuasaan khas oleh Pasukan Khas Penguatkuasa (PKP) terhadap majikan atau tempat pekerjaan di setiap negeri. Operasi ATIP bertujuan untuk membanteras sebarang elemen atau amalan buruh paksa di tempat pekerjaan.

Infografik 13 menunjukkan sebanyak 56 operasi ATIP telah dijalankan pada tahun 2023 dengan bilangan operasi ATIP tertinggi dijalankan di Perak iaitu sebanyak 8 operasi diikuti Pulau Pinang dengan 7 operasi ATIP dan Johor sebanyak 6 operasi. Jumlah operasi ATIP menunjukkan peningkatan sebanyak 20 (95%) bilangan operasi berbanding 36 operasi (55%) pada tahun 2022. Peningkatan jumlah operasi ATIP ini adalah selaras usaha KSM dan JTKSM di bawah Pelan Tindakan Nasional Buruh Paksa (NAPFL 2021-2025) bagi memenuhi komitmen antarabangsa untuk menghapuskan sebarang bentuk amalan buruh paksa di Malaysia menjelang 2030.

Infografik 13 : Statistik operasi ATIP mengikut negeri bagi tahun 2023.




Sumber: JTKSM

Infografik 14 dan 15 menunjukkan sebanyak 11 kes dilaporkan dan jabatan telah membuka 11 kertas siasatan yang melibatkan 79 orang mangsa diselamatkan oleh PKP sepanjang tahun 2023 di bawah Akta 670 berbanding 31 orang pada tahun sebelumnya. Peningkatan jumlah ini adalah kerana majoriti mangsa yang diselamatkan adalah melibatkan pekerja asing yang terabai, terkandas dan tiada pekerjaan seperti yang dijanjikan. Selain daripada itu, jumlah ini juga termasuk operasi menyelamat pembantu rumah yang dijanjikan syarat-syarat pekerjaan yang baik tetapi menjadi mangsa ATIP.

Infografik 14: Statistik mangsa ATIP yang diselamatkan dan bilangan kes mengikut sektor pekerjaan bagi tahun 2023.




Infografik 15: Statistik kes ATIIP yang dilaporkan dan kertas siasatan yang dibuka bagi tahun 2023.




Sumber: JTKSM

# PERMIT, PELESENAN DAN PERAKUAN

## PERMIT PERBURUHAN

Setiap majikan diwajibkan untuk mematuhi undang-undang perburuhan yang dikuatkuasakan oleh jabatan. Walau bagaimanapun, terdapat peruntukan di bawah akta perburuhan yang membenarkan majikan untuk memohon pengecualian pemakaian seksyen-seksyen tertentu melalui permohonan permit perburuhan. Objektif pengeluaran permit perburuhan oleh jabatan adalah untuk membantu majikan dan industri mengoptimumkan penggunaan sumber manusia bagi meningkatkan produktiviti tanpa mengabaikan kebajikan pekerja.

Infografik 16 menunjukkan jumlah permohonan permit yang dikendali pada tahun 2023 adalah sebanyak 4,352 dengan permohonan tertinggi melibatkan permohonan permit kebenaran pembayaran gaji selain melalui bank sebanyak 1,432 diikuti kebenaran potongan gaji sebanyak 1,150 permohonan serta kebenaran menyimpan daftar di ibu pejabat atau tempat lain sebanyak 710 permohonan. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 1,663 (62%) berbanding 2,689 permohonan pada tahun 2022. Peningkatan ini berikutan daripada pindaan kepada Akta Kerja 1955 yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2023 yang diperluaskan pemakaiannya kepada semua golongan pekerja tanpa mengira had gaji.

Infografik 16: Statistik permohonan mengikut jenis permit perburuhan pada tahun 2023.

**JUMLAH PERMIT PERBURUHAN DIKENDALI** **4,352**

| Jenis Permit | Bilangan | Jenis Permit | Bilangan |
|---|---|---|---|
| Pembayaran Gaji Selain Melalui Bank | 1,432 | Kebenaran Untuk Kelonggaran Waktu Kerja Biasa | 45 |
| Potongan Gaji | 1,150 | Permit-Permit Lain | 40 |
| Menyimpan Daftar Pekerja | 710 | Pendahuluan Gaji | 39 |
| Kebenaran Menyimpan Daftar Dalam Bentuk Lain | 541 | Skim Bayaran Insentif Yang Diluluskan | 36 |
| Melebihi Sekatan Kerja Lebih Masa | 128 | Membayar Gaji Lewat | 33 |
| Kanak-Kanak Dan Orang Muda Mengambil Bahagian Dalam Hiburan Awam | 116 | Menetapkan Hari Rehat Pada Hari Lain | 15 |
| Penggunaan Sumber Bekalan Air Persendirian | 48 | Wanita Kerja Malam | 13 |
| | | Di Bawah Seksyen 60C Akta Kerja | 6 |

Sumber: JTKSM

# PERAKUAN PENGINAPAN PEKERJA

Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446] terpakai kepada semua jenis industri di Semenanjung Malaysia termasuk Wilayah Persekutuan Labuan. Akta ini mewajibkan semua penginapan dan penginapan berpusat yang disediakan untuk pekerja mempunyai Perakuan Penginapan daripada Ketua Pengarah JTKSM bagi memastikan pekerja mendiami penginapan yang kondusif. Perakuan Penginapan Pekerja hanya akan diberikan sekiranya majikan dan penyedia penginapan berpusat mematuhi standard minimum yang ditetapkan di bawah Akta 446.

Infografik 17 di bawah menunjukkan sebanyak 16,361 permohonan Perakuan Penginapan diterima dan daripada jumlah ini, sebanyak 7,896 Perakuan Penginapan dikeluarkan pada tahun 2023. Jumlah permohonan diterima pada tahun 2023 meningkat sebanyak 3,933 (32%) berbanding pada tahun 2022 iaitu sebanyak 12,428 permohonan. Perakuan yang dikeluarkan pada tahun 2023 menunjukkan penurunan sebanyak 6,577 (45%) perakuan berbanding dengan jumlah perakuan pada tahun 2022 iaitu sebanyak 14,473. Penurunan perakuan yang dikeluarkan pada tahun 2023 adalah disebabkan beberapa faktor seperti di Infografik 18.

Infografik 19 pula menunjukkan Perakuan Penginapan Pekerja tertinggi yang diluluskan adalah dalam sektor Pembuatan iaitu sebanyak 3,963 perakuan dan diikuti sektor Perdagangan Borong dan Runcit, Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal sebanyak 851 perakuan. Sektor Maklumat dan Komunikasi mencatatkan hanya satu perakuan penginapan pekerja dikeluarkan pada tahun 2023.

Infografik 17: Statistik perakuan penginapan yang dikeluarkan mengikut negeri bagi tahun 2023.




Sumber :JTKSM

Infografik 18: Faktor yang menyebabkan penurunan bilangan perakuan yang dikeluarkan bagi tahun 2023.

1

Bayaran fi proses tidak dikemukakan.





2

Kegagalan menyediakan dokumen proses.

3

Kegagalan bagi mendapatkan kebenaran pihak berkuasa tempatan menggunakan penginapan sebagai asrama pekerja.





4

Kegagalan menyediakan penginapan dengan kriteria minimum sebagaimana diperuntukkan di bawah Peraturan-Peraturan Standard Minimum Perumahan, Penginapan Dan Kemudahan Pekerja (Pekerja Yang Dikehendaki Untuk Disediakan Dengan Penginapan) 2021, Akta 446.

Infografik 19: Statistik perakuan penginapan pekerja diluluskan mengikut sektor bagi tahun 2023.

**JUMLAH PERAKUAN PENGINAPAN YANG DILULUSKAN**

**7,896**

| Sektor | Nama Sektor | Bilangan |
|---|---|---|
| A | Pertanian, Perhutanan & Perikanan | 345 |
| B | Perlombongan & Pengkuarian | 11 |
| C | Pembuatan | 3,963 |
| D | Bekalan Elektrik, Gas, Wap & Pendingin Udara | 12 |
| E | Bekalan Air, Pembentungan, Pengurusan Sisa & Aktiviti Pemulihan | 19 |
| F | Pembinaan | 587 |
| G | Perdagangan Borong & Runcit, Pembaikan Kenderaan Bermotor & Motosikal | 851 |
| H | Pengangkutan & Penyimpanan | 93 |
| I | Penginapan & Aktiviti Perkhidmatan Makanan & Minuman | 832 |
| J | Maklumat & Komunikasi | 1 |
| K | Aktiviti Kewangan & Insurans/ Takaful | 0 |
| L | Aktiviti Hartanah | 6 |
| M | Aktiviti Profesional, Saintifik & Teknikal | 39 |
| N | Aktiviti Pentadbiran & Khidmat Sokongan | 155 |
| O | Pentadbiran Awam & Pertahanan; Aktiviti Keselamatan Sosial Wajib | 41 |
| P | Pendidikan | 0 |
| Q | Aktiviti Kesihatan Kemanusiaan & Kerja Sosial | 22 |
| R | Kesenian, Hiburan & Rekreasi | 16 |
| S | Aktiviti Perkhidmatan Lain | 761 |
| T | Aktiviti isi rumah sebagai majikan | 2 |
| U | Aktiviti Badan dan Pertubuhan Luar Wilayah | 0 |
| V | Tidak Diklasifikasikan | 140 |

Sumber : JTKSM

## PELESENAN AGENSI PEKERJAAN SWASTA

Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 [Akta 246] adalah akta yang bertujuan untuk mengawal aktiviti agensi pekerjaan swasta (APS) di Malaysia. Akta ini menghendaki mana-mana orang yang menjalankan aktiviti APS adalah wajib berlesen sebagai APS yang sah dan perjalanan aktiviti-aktiviti tersebut perlulah mengikut undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan. Kategori lesen APS adalah sebagaimana di Infografik 20.

Infografik 20: Kategori lesen APS di Malaysia.




Wang jaminan merupakan suatu jaminan dalam bentuk wang tunai atau jaminan kewangan yang dikeluarkan oleh bank berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 yang perlu didepositkan ke dalam akaun kerajaan. Jumlah wang jaminan adalah berbeza mengikut lesen agensi. Wang jaminan yang didepositkan oleh agensi akan digunakan bagi menampung segala kos perbelanjaan pekerja yang teraniaya termasuklah kos penghantaran pulang ke negara asal jika APS gagal memenuhi tanggungjawab.

Penggunaan perkhidmatan APS berlesen ini secara tidak langsung akan membantu untuk mengurangkan majikan menggunakan agensi tidak berdaftar dan berlesen atau lebih dikenali sebagai ejen ulat yang mendorong kepada pengeksploitasian pekerja asing. Selain itu, terdapat fi dalam pengurusan APS iaitu fi lesen, fi proses, fi pendaftaran dan juga fi penempatan berdasarkan Jadual Pertama, Akta 246. Faktor penyebab lesen APS digantung atau dibatalkan adalah seperti di Infografik 21.

Infografik 21: Faktor penyebab lesen APS digantung atau dibatalkan.

1. Telah melanggar mana-mana peruntukan Akta dan peraturan.
2. Tidak mematuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh Ketua Pengarah.
3. Telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta ini atau Pengarah APS telah ditahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis berkaitan antipemerdagangan orang dan buruh paksa.
4. Telah digulung atau dibubarkan.
5. Tidak mematuhi apa-apa arahan bertulis yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah di bawah Akta 246.
6. Mengemukakan maklumat palsu dalam proses mendapatkan lesen.
7. Menyalahgunakan lesen bagi tujuan yang bertentangan dengan undang-undang.
8. Telah berhenti menjalankan aktiviti merekrut.

Jadual 5 menunjukkan statistik APS berlesen mengikut kategori dan negeri bagi tahun 2023. Jumlah APS yang aktif pada tahun 2023 adalah sebanyak 1,163 lesen APS berbanding 1,176 lesen pada tahun 2022. Kategori lesen yang paling banyak dikeluarkan pula adalah di bawah kategori lesen C bagi kedua-dua tahun tersebut. Tiga negeri yang mencatatkan pengeluaran lesen aktif tertinggi pada tahun 2023 adalah Selangor iaitu sebanyak 430 lesen diikuti Kuala Lumpur sebanyak 324 lesen dan Johor sebanyak 173 lesen daripada keseluruhan jumlah lesen.

Bilangan APS bagi kategori lesen C ini mempunyai jumlah yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan kategori lesen A dan B. Ini berkemungkinan daripada faktor minat APS terhadap aktiviti yang dibenarkan mengikut kategori lesen C adalah lebih luas dan besar berbanding kategori lesen A dan B.

Jadual 5 : Statistik APS berlesen mengikut kategori dan negeri bagi tahun 2023.

| Negeri | Kategori Lesen (Induk) | | | Kategori Lesen (Cawangan) | | | Kategori Lesen (Keseluruhan) | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | A | B | C | A | B | C | A | B | C | |
| Selangor | 90 | 120 | 212 | 0 | 5 | 3 | 90 | 125 | 215 | 430 |
| WP Kuala Lumpur | 89 | 58 | 171 | 0 | 1 | 5 | 89 | 59 | 176 | 324 |
| Johor | 27 | 48 | 83 | 4 | 6 | 5 | 31 | 54 | 88 | 173 |
| Pulau Pinang | 15 | 21 | 46 | 5 | 4 | 6 | 20 | 25 | 52 | 97 |
| Perak | 4 | 7 | 21 | 0 | 1 | 0 | 4 | 8 | 21 | 33 |
| Melaka | 2 | 7 | 19 | 1 | 2 | 2 | 3 | 9 | 21 | 33 |
| Kedah | 5 | 9 | 14 | 0 | 1 | 0 | 5 | 10 | 14 | 29 |
| Negeri Sembilan | 4 | 4 | 15 | 0 | 1 | 1 | 4 | 5 | 16 | 25 |
| Pahang | 1 | 3 | 5 | 0 | 0 | 0 | 1 | 3 | 5 | 9 |
| Kelantan | 0 | 3 | 2 | 0 | 1 | 0 | 0 | 4 | 2 | 6 |
| Terengganu | 1 | 1 | 1 | 0 | 0 | 0 | 1 | 1 | 1 | 3 |
| WP Labuan | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 1 |
| Jumlah | 238 | 281 | 590 | 10 | 22 | 22 | 248 | 303 | 612 | 1163 |

Sumber : JTKSM

## DOKUMEN PENGENALAN DIRI

Setiap pekerja APS yang menjalankan aktiviti merekrut hendaklah mempunyai dokumen pengenalan diri mengikut kategori lesen yang telah dikeluarkan. Tujuan dokumen pengenalan diri ini adalah bagi mencegah penyamaran, eksploitasi dan penipuan oleh agensi. Mana-mana pekerja APS yang gagal mengemukakan dokumen pengenalan diri apabila dikehendaki adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 [Akta 246] dan boleh dikenakan denda apabila disabitkan.

Jadual 6 menunjukkan pengeluaran dokumen pengenalan diri APS bagi tahun 2023 adalah sebanyak 2,888 dokumen yang melibatkan 350 dokumen pengenalan diri bagi lesen kategori A, 634 dokumen pengenalan diri bagi lesen kategori B dan 1,904 dokumen pengenalan diri bagi lesen kategori C. Jumlah ini meningkat sebanyak 686 (31%) berbanding tahun 2022 yang mencatatkan sebanyak 2,202 dokumen berkemungkinan berdasarkan teguran kepada wakil APS yang hadir atau menguruskan proses dokumentasi di mana-mana agensi kerajaan tidak dapat diteruskan disebabkan tiada dokumen pengenalan diri.

Jadual 6: Statistik kad pengenalan diri aktif APS mengikut negeri dan kategori lesen bagi tahun 2023.

| Negeri | Kategori Lesen | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| | A | B | C | |
| Selangor | 142 | 274 | 621 | 1,037 |
| WP Kuala Lumpur | 110 | 114 | 633 | 857 |
| Johor | 46 | 121 | 267 | 434 |
| Pulau Pinang | 25 | 53 | 142 | 220 |
| Perak | 7 | 15 | 64 | 86 |
| Melaka | 10 | 11 | 62 | 83 |
| Negeri Sembilan | 3 | 11 | 51 | 65 |
| Kedah | 4 | 19 | 34 | 57 |
| Pahang | 3 | 4 | 15 | 22 |
| Kelantan | 0 | 10 | 3 | 13 |
| Terengganu | 0 | 2 | 7 | 9 |
| Perlis | 0 | 0 | 3 | 3 |
| WP Labuan | 0 | 0 | 2 | 2 |
| **Jumlah** | **350** | **634** | **1,904** | **2,888** |

Sumber: JTKSM

## KELULUSAN PELAN BANGUNAN DAN SIJIL LAYAK MENDUDUKI

Jabatan sentiasa komited dalam memastikan perumahan yang didiami oleh pekerja estet benar-benar selamat diduduki dan kondusif. Justeru, mana-mana majikan estet yang ingin membina perumahan bagi pekerja estet perlu mendapatkan kelulusan pelan bangunan perumahan terlebih dahulu mengikut piawaian minimum yang ditetapkan di bawah Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446]. Di samping itu, majikan estet juga perlu mendapatkan Sijil Layak Menduduki (*Certificate of Fitness* (CF)) sebaik sahaja bangunan yang dibina telah disiapkan.

Infografik 22 menunjukkan jabatan telah meluluskan 99 pelan bangunan perumahan estet dan 274 sijil layak menduduki (CF) pada tahun 2023. Jumlah kelulusan pelan ini adalah lebih rendah berbanding kelulusan pada tahun 2022 iaitu sebanyak 252. Namun, jumlah kelulusan CF yang diluluskan pada tahun 2023 meningkat berbanding 72 kelulusan pada tahun 2022. Kelulusan pelan dan CF tertinggi dicatatkan di Pahang berbanding negeri-negeri lain.

Infografik 22: Statistik kelulusan pelan membina atau mengubahsuai bangunan dan statistik Sijil Layak Menduduki (CF) bagi tahun 2023.




Bilangan Kelulusan Pelan

Bilangan Sijil Layak Menduduki (CF)

Sumber :JTKSM

# PENGENDALIAN ADUAN

## ADUAN PERBURUHAN

Jabatan sentiasa beriltizam untuk mengendalikan setiap aduan perburuhan yang diterima secara cekap dan efektif bagi memenuhi ekspektasi pelanggan. Aduan-aduan perburuhan ini diterima melalui pelbagai sumber seperti pemegang taruh, Biro Pengaduan Awam, media massa, pertubuhan bukan kerajaan dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia. Pelbagai platform yang tersedia untuk pengadu memfailkan aduan seperti melalui surat, telefon, e-mel, aplikasi *Working For Workers* (WFW) atau pengadu hadir ke jabatan.

Infografik 23 menunjukkan sebanyak 10,599 kes aduan dikendali sepanjang tahun 2023. Peningkatan ini adalah sebanyak 1,155 (12%) berbanding 9,444 kes aduan dikendali pada tahun 2022. Peningkatan ini disebabkan oleh pindaan Akta 265 yang mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2023. Kes tertinggi dikendalikan pada tahun 2023 adalah di Selangor sebanyak 2,721 (25.67%) dan diikuti Johor sebanyak 1,953 (18.43%). Secara keseluruhan sebanyak 10,380 (97.93%) kes aduan telah berjaya diselesaikan pada tahun 2023 manakala baki 219 kes dikendali dan diselesaikan pada Januari 2024.

Infografik 23 : Statistik kes aduan perburuhan mengikut negeri bagi tahun 2023.




Sumber: JTKSM

## ADUAN GANGGUAN SEKSUAL

Akta Kerja 1955 [Akta 265] menetapkan agar setiap majikan menjalankan siasatan terhadap aduan gangguan seksual yang diterima. Sekiranya majikan enggan, pengadu yang tidak berpuas hati boleh merujuk perkara itu kepada jabatan ini. Pindaan Akta 265 juga mewajibkan majikan untuk memaparkan notis berkaitan gangguan seksual bertujuan untuk meningkatkan tahap kesedaran pekerja mengenai gangguan seksual di tempat kerja.

Jadual 7 di bawah menunjukkan bahawa jabatan telah mengendali dan menyelesaikan sebanyak 13 aduan gangguan seksual di tempat pekerjaan yang melibatkan 26 orang pekerja di Johor, Pahang, Perak dan Selangor. Jumlah kes yang dikendalikan ini menurun berbanding 18 kes pada tahun 2022.

Jadual 7: Statistik aduan gangguan seksual mengikut negeri bagi tahun 2023.

| Negeri | Bilangan Kes Dikendali | Bilangan Kes Selesai | Bilangan Pekerja Terlibat |
|---|---|---|---|
| Johor | 6 | 6 | 12 |
| Selangor | 3 | 3 | 6 |
| Perak | 3 | 3 | 6 |
| Pahang | 1 | 1 | 2 |
| **Jumlah** | **13** | **13** | **26** |

Sumber: JTKSM

# ADUAN GAJI MINIMUM

Aduan berhubung gaji minimum terbit apabila majikan membayar gaji pokok pekerja kurang daripada kadar gaji minimum semasa yang ditetapkan oleh kerajaan. Jabatan memandang serius terhadap aduan berhubung kegagalan majikan mematuhi bayaran gaji minimum bagi memastikan keperluan asas seseorang pekerja dapat dipenuhi dan komited dalam memastikan setiap aduan yang diterima diselesaikan.

Jadual 8 menunjukkan sebanyak 586 kes aduan gaji minimum diterima sepanjang tahun 2023 yang melibatkan seramai 4,118 orang pekerja. Kes tertinggi diterima di Perak dan Terengganu iaitu sebanyak 97 (16.30%) kes melibatkan 1,454 orang pekerja diikuti Kedah sebanyak 74 (13.45%) kes melibatkan 136 orang pekerja.

Infografik 24 menunjukkan aduan gaji minimum tertinggi diterima bagi sektor Aktiviti Pentadbiran & Khidmat Sokongan iaitu sebanyak 223 (38.05%) diikuti sektor Aktiviti Perkhidmatan Lain sebanyak 59 (10.07%).

Jadual 8: Statistik aduan gaji minimum mengikut negeri bagi tahun 2023.

| Negeri | Bilangan Kes Diterima | Bilangan Kes Selesai | Bilangan Pekerja Terlibat |
|---|---|---|---|
| Terengganu | 97 | 97 | 1,176 |
| Kelantan | 56 | 56 | 739 |
| Pulau Pinang | 30 | 30 | 519 |
| Johor | 57 | 56 | 385 |
| Perlis | 26 | 26 | 309 |
| Negeri Sembilan | 34 | 34 | 292 |
| Perak | 97 | 97 | 278 |
| Kedah | 74 | 74 | 136 |
| Pahang | 33 | 33 | 100 |
| Selangor | 47 | 47 | 69 |
| Melaka | 20 | 20 | 66 |
| WP Kuala Lumpur | 11 | 11 | 40 |
| WP Labuan | 4 | 4 | 9 |
| JUMLAH | 586 | 585 | 4,118 |

Sumber: JTKSM

Infografik 24: Statistik aduan gaji minimum mengikut sektor yang dikelaskan di bawah Malaysian Standard Industrial Classification 2008 (MSIC) bagi tahun 2023.

**JUMLAH ADUAN GAJI MINIMUM**

**586**

| Seksyen | Sektor | Bilangan Aduan |
|---|---|---|
| A | Pertanian, Perhutanan & Perikanan | 52 |
| B | Perlombongan & Pengkuarian | 3 |
| C | Pembuatan | 35 |
| D | Bekalan Elektrik, Gas, Wap & Pendingin Udara | 0 |
| E | Bekalan Air, Pembentungan, Pengurusan Sisa & Aktiviti Pemulihan | 2 |
| F | Pembinaan | 37 |
| G | Perdagangan Borong & Runcit, Pembaikan Kenderaan Bermotor & Motosikal | 48 |
| H | Pengangkutan & Penyimpanan | 16 |
| I | Penginapan & Aktiviti Perkhidmatan Makanan & Minuman | 33 |
| J | Maklumat & Komunikasi | 3 |
| K | Aktiviti Kewangan & Insurans/ Takaful | 5 |
| L | Aktiviti Hartanah | 0 |
| M | Aktiviti Profesional, Saintifik & Teknikal | 11 |
| N | Aktiviti Pentadbiran & Khidmat Sokongan | 223 |
| O | Pentadbiran Awam & Pertahanan; Aktiviti Keselamatan Sosial Wajib | 18 |
| P | Pendidikan | 23 |
| Q | Aktiviti Kesihatan Kemanusiaan & Kerja Sosial | 17 |
| R | Kesenian, Hiburan & Rekreasi | 0 |
| S | Aktiviti Perkhidmatan Lain | 59 |
| T | Aktiviti isi rumah sebagai majikan | 1 |
| U | Aktiviti Badan dan Pertubuhan Luar Wilayah | 0 |
| V | Tidak Diklasifikasikan | 0 |

# KERTAS SIASATAN, KOMPAUN DAN PENDAKWAAN

JTKSM berdedikasi untuk memperkasakan serta mengukuhkan penguatkuasaan melalui tindakan perundangan sekiranya berlaku pelanggaran terhadap akta perburuhan seperti Akta Kerja 1955 [Akta 265], Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446], Perintah Gaji Minimum 2022, Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 [Akta 246] dan Akta Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 [Akta 350]. Kertas siasatan adalah dokumen yang membolehkan tindakan undang-undang seperti kompaun atau pendakwaan diambil ke atas majikan setelah mendapat keizinan daripada Timbalan Pendakwa Raya. Dokumen ini mengandungi keterangan dan bahan bukti pelanggaran undang-undang yang diperoleh semasa siasatan dijalankan oleh pegawai penyiasat. Dokumen ini bertujuan untuk mengumpulkan bukti yang mencukupi, dan menerangkan keseluruhan siasatan termasuk butiran-butiran mengenai pelanggaran undang-undang, fakta-fakta relevan, dan keterangan yang diperoleh.

Infografik 25: Statistik kertas siasatan, kompaun dan pendakwaan mengikut negeri bagi tahun 2023.

| Bilangan Kertas Siasatan | Bilangan Pendakwaan | Bilangan Kompaun |
|---|---|---|
| 1655 | 391 | 798 |

| Negeri | Bilangan Kertas Siasatan | Bilangan Pendakwaan | Bilangan Kompaun |
|---|---|---|---|
| Selangor | 310 | 64 | 117 |
| Johor | 296 | 101 | 160 |
| Pulau Pinang | 220 | 36 | 134 |
| Kedah | 129 | 44 | 42 |
| Perak | 142 | 4 | 111 |
| Pahang | 128 | 31 | 55 |
| WP Kuala Lumpur | 107 | 2 | 42 |
| Negeri Sembilan | 92 | 30 | 33 |
| Terengganu | 83 | 26 | 51 |
| Kelantan | 62 | 27 | 26 |
| Melaka | 61 | 26 | 21 |
| Perlis | 15 | 0 | 5 |
| WP Labuan | 10 | 0 | 1 |

Sumber: JTKSM

Infografik 25 menunjukkan statistik kertas siasatan, kompaun dan pendakwaan mengikut negeri bagi tahun 2023. Jumlah kertas siasatan yang dibuka pada tahun 2023 menunjukkan peningkatan sebanyak 1,655 berbanding 1,492 pada tahun 2022. Sebanyak 798 daripada 1,655 kertas siasatan diberi izin kompaun dan 391 kertas siasatan diberi izin dakwa.

# MAHKAMAH BURUH

Mahkamah Buruh merupakan sistem separa kehakiman (*quasi judicial*) yang cepat, mudah dan murah bagi pengendalian kes buruh serta alternatif kepada tuntutan sivil. Akta Kerja 1955 [Akta 265] memberi kuasa kepada Ketua Pengarah JTKSM untuk mendengar dan memutuskan tuntutan pekerja terhadap majikan yang berkaitan dengan gaji dan faedah-faedah kewangan atau bukan kewangan yang layak diperolehi di bawah undang-undang atau kontrak perkhidmatan. Selain tuntutan yang difailkan oleh pekerja, majikan juga boleh menggunakan saluran ini untuk memfailkan tuntutan berkaitan gaji ganti notis terhadap pekerja mereka. Setakat ini JTKSM mempunyai 66 buah Mahkamah Buruh yang beroperasi di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan.









## KES BURUH

Pengendalian kes buruh dijalankan selari dengan prinsip keadilan asasi iaitu *right to a fair hearing* (*audi alteram partem*) dan *rules against bias* (*nemo judex in causa sua*). Salah satu peranan utama jabatan dalam memperkasakan undang-undang perburuhan adalah dengan pendengaran kes buruh di Mahkamah Buruh. Penyiasatan dan pendengaran kes buruh akan didengar oleh Pegawai yang diberi kuasa mendengar dan memutuskan amaun tuntutan tanpa had sebagaimana diperuntukkan dalam Akta Kerja 1955 [Akta 265].

Setakat Disember 2023, JTKSM mengendalikan sebanyak 16,478 kes di seluruh Semenanjung Malaysia dan WP Labuan dan sebanyak 1,976 kes masih dalam tindakan Jabatan. Jumlah ini meningkat sebanyak 4,242 kes berbanding tahun 2022 yang mencatat jumlah kendali sebanyak 12,236 kes sahaja. Jumlah ini adalah jumlah yang tertinggi direkodkan sepanjang lima tahun. Faktor penyumbang kepada peningkatan jumlah kendali ini disebabkan oleh perluasan skop pemakaian Akta Kerja 1955 kepada semua golongan pekerja di sektor swasta tanpa mengira had gaji dan jenis pekerjaan. Jika berlakunya pelanggaran pada kontrak perkhidmatan, pihak yang terkilan boleh memfailkan aduan di Pejabat Tenaga Kerja yang berhampiran dengan tempat pekerjaan. Jadual 9 menunjukkan Selangor mencatat jumlah kes kendali tertinggi iaitu sebanyak 4,881 kes diikuti WP Kuala Lumpur sebanyak 1,751 kes dan Johor sebanyak 1,625 kes. Ketiga-tiga negeri tersebut kekal mencatatkan jumlah kes kendali tertinggi seperti tahun sebelumnya.

Jadual 9: Statistik kes buruh mengikut negeri bagi tahun 2023.

| Negeri | Kes Buruh Kendali | Kes Selesai | Amaun Perintah (RM) |
|---|---|---|---|
| Selangor | 4,881 | 4,230 | 30,444,485.33 |
| WP Kuala Lumpur | 1,751 | 1,421 | 5,531,701.35 |
| Johor | 1,625 | 1,461 | 4,977,923.94 |
| Perak | 1,511 | 1,309 | 6,141,647.82 |
| Pulau Pinang | 1,222 | 1,106 | 2,948,443.66 |
| Pahang | 1,039 | 963 | 4,120,610.00 |
| Kedah | 1,030 | 929 | 4,750,346.98 |
| Negeri Sembilan | 990 | 913 | 4,553,094.25 |
| Melaka | 856 | 743 | 2,348,840.60 |
| Kelantan | 759 | 687 | 7,635,762.37 |
| Terengganu | 664 | 606 | 5,577,261.36 |
| Perlis | 93 | 88 | 348,569.64 |
| WP Labuan | 57 | 46 | 422,858.19 |
| **JUMLAH** | **16,478** | **14,502** | **79,801,545.49** |

Sumber: JTKSM

# PEMBERHENTIAN PEKERJA

Pemberhentian pekerja adalah penamatan sementara atau kekal pekerjaan oleh majikan disebabkan oleh pelbagai sebab seperti kegawatan ekonomi, penstrukturan semula, atau langkah pemotongan kos. Kebiasaannya pemberhentian pekerja ini disebabkan oleh faktor di luar kawalan pekerja, seperti kemerosotan ekonomi atau penstrukturan semula, mahupun penamatan mungkin juga disebabkan oleh isu prestasi, salah laku atau sebab lain yang berkaitan dengan tingkah laku atau tindakan pekerja.

Pemberhentian pekerja ditakrifkan di bawah Garis Panduan Pengurusan Pemberhentian Pekerja sebagai penamatan kontrak perkhidmatan akibat keadaan berlebihan pekerja. JTKSM telah menyediakan Garis Panduan Pengurusan Pemberhentian Pekerja untuk memberi kefahaman dan menerangkan kaedah terbaik kepada majikan dalam melaksanakan pengurusan pemberhentian pekerja selaras dengan peraturan-peraturan ditetapkan di samping menekankan hak-hak pekerja yang terlibat dalam tindakan tersebut.

Faktor-faktor yang menyebabkan pemberhentian pekerja adalah sebagaimana di Infografik 26. Pemantauan tindakan pemberhentian pekerja oleh majikan turut dilaksanakan oleh jabatan dengan mewajibkan majikan untuk mengemukakan laporan menggunakan Borang Pemberhentian Kerja (PK) dalam masa 30 hari sebelum tarikh pelaksanaan pemberhentian. Oleh itu, jenis tindakan yang memerlukan majikan mengemukakan laporan kepada JTKSM adalah sebagaimana di Infografik 27.

Infografik 26: Faktor-faktor yang menyebabkan pemberhentian pekerja.



Infografik 27: Jenis tindakan yang memerlukan majikan mengemukakan laporan kepada JTKSM.




Jadual 10 menunjukkan daripada 67,982 pekerja yang diberhentikan, seramai 55,983 pekerja ditamatkan perkhidmatan melalui kaedah pemberhentian biasa manakala seramai 11,999 pekerja terlibat dalam tindakan pemberhentian secara sukarela. Bilangan majikan yang dilaporkan terlibat dengan pemberhentian pekerja pada tahun 2023 berjumlah 2,274 melibatkan 67,982 pekerja didapati meningkat berbanding 1,497 melibatkan 32,683 pekerja pada tahun 2022.

Jadual 11 menunjukkan statistik pemberhentian pekerja mengikut sektor pekerjaan. Sektor pembuatan mencatatkan pemberhentian tertinggi iaitu sebanyak 33,128 pekerja dan diikuti oleh aktiviti perkhidmatan lain sebanyak 12,090 pekerja. Sektor-sektor lain pula mencatatkan jumlah pemberhentian pekerja tidak melebihi 5,000 orang pekerja pada tahun 2023.

Jadual 10: Statistik pemberhentian pekerja yang dilaksanakan dicatatkan pada tahun 2023.

| Jenis Pemberhentian | Bil. Majikan | Pekerja Tempatan | | | Pekerja Asing | | | Jumlah Keseluruhan |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Lelaki | Perempuan | Jumlah | Lelaki | Perempuan | Jumlah | |
| Pemberhentian Biasa | 1,840 | 28,252 | 19,203 | 47,455 | 5,600 | 2,928 | 8,528 | 55,983 |
| Pemberhentian Sukarela (VSS) | 434 | 6,756 | 4,788 | 11,544 | 307 | 148 | 455 | 11,999 |
| Jumlah | 2,274 | 35,008 | 23,991 | 58,999 | 5,907 | 3,076 | 8,983 | 67,982 |

Sumber: JTKSM

Jadual 11: Statistik pemberhentian pekerja mengikut sektor pada tahun 2023.

| Sektor | Pemberhentian Biasa | | Pemberhentian Sukarela | | Keseluruhan | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Bil. Majikan | Bilangan Pekerja | Bil. Majikan | Bil. Pekerja | Bil. Majikan | Bil. Pekerja |
| Pembuatan | 371 | 27,026 | 114 | 6,102 | 485 | 33,128 |
| Aktiviti perkhidmatan lain | 441 | 10,874 | 103 | 1,216 | 544 | 12,090 |
| Perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal | 258 | 4,173 | 30 | 434 | 288 | 4,607 |
| Pembinaan | 103 | 3,372 | 30 | 616 | 133 | 3,988 |
| Maklumat dan komunikasi | 102 | 2,141 | 40 | 1,579 | 142 | 3,720 |
| Pengangkutan dan Penyimpanan | 101 | 1,689 | 32 | 406 | 133 | 2,095 |
| Aktiviti kewangan dan insuran/takaful | 44 | 952 | 23 | 190 | 67 | 1,142 |
| Aktiviti isi rumah sebagai majikan; aktiviti mengeluarkan barangan dan perkhidmatan | 1 | 990 | 1 | 3 | 2 | 993 |
| Pentadbiran awam dan pertahanan; aktiviti keselamatan sosial wajib | 62 | 855 | 8 | 118 | 70 | 973 |
| Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman | 63 | 937 | 1 | 1 | 64 | 938 |
| Aktiviti kesihatan kemanusiaan dan kerja sosial | 52 | 397 | 3 | 470 | 55 | 867 |
| Pertanian, Perhutanan dan Perikanan | 49 | 714 | 3 | 22 | 52 | 736 |
| Aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan | 39 | 600 | 3 | 14 | 42 | 614 |
| Aktiviti hartanah | 16 | 216 | 12 | 324 | 28 | 540 |
| Perlombongan dan Pengkuarian | 25 | 244 | 7 | 275 | 32 | 519 |
| Aktiviti profesional, saintifik dan teknikal | 67 | 373 | 15 | 146 | 82 | 519 |
| Kesenian, hiburan dan rekreasi | 10 | 205 | 0 | 0 | 10 | 205 |
| Pendidikan | 18 | 109 | 4 | 19 | 22 | 128 |
| Bekalan air; pembetungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan | 11 | 81 | 3 | 38 | 14 | 119 |
| Bekalan Elektrik, gas, wap dan pendingin udara | 7 | 35 | 2 | 26 | 9 | 61 |
| **Jumlah** | **1,840** | **55,983** | **434** | **11,999** | **2,274** | **67,982** |

Sumber: JTKSM

# PINDAAN UNDANG-UNDANG

Akta Kerja 1955 [Akta 265] merupakan undang-undang perburuhan utama yang mengawal selia hubungan antara majikan dan pekerja dalam sektor swasta di negara ini dengan memberi faedah dan perlindungan minimum melalui penetapan hak-hak pekerja dan standard minimum penggajian.

Jabatan bertanggungjawab untuk memastikan majikan melaksanakan tanggungjawab mereka di bawah undang-undang perburuhan agar kebajikan pekerja terjaga dengan sentiasa menyemak, meneliti, mengkaji, dan meminda undang-undang yang dikuatkuasakan oleh jabatan agar undang-undang tersebut dapat ditambah baik dari semasa ke semasa supaya ia kekal relevan dan berkesan dengan situasi masa kini. Pindaan kepada Akta 265 telah berkuatkuasa pada 1 Januari 2023. Objektif utama pindaan dan intipati utama Akta Kerja 1955 [Akta 265] adalah sebagaimana di Infografik 28 dan Infografik 29.

Infografik 28: Objektif utama pindaan Akta Kerja 1955 [Akta 265].

1. Meningkatkan dan menambah baik perlindungan dan kebajikan golongan pekerja di negara ini





2. Memastikan peruntukan undang-undang perburuhan di negara ini selari dengan standard antarabangsa yang digariskan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa

3. Memudahkan Malaysia merundingkan perjanjian-perjanjian perdagangan yang pada ketika ini kerap memasukkan fasal berhubung standard minimum perburuhan sebagai salah satu daripada terma perjanjian.



Infografik 29: Intipati utama pindaan Akta Kerja 1955 [Akta 265].

1. Perluasan liputan Akta 265 kepada semua pekerja tanpa mengira had gaji;
2. Peningkatan cuti bersalin daripada 60 hari kepada 98 hari;
3. Pemberian cuti paterniti selama 7 hari;
4. Pengurangan waktu kerja daripada 48 jam seminggu kepada 45 jam seminggu;
5. Pengasingan cuti sakit hospitalisasi;
6. Menggalakkan majikan membenarkan pekerja membuat Aturan Kerja Fleksibel;
7. Larangan Diskriminasi dalam Pekerjaan;
8. Larangan Buruh Paksa;
9. Larangan Pemberhentian Pekerja Wanita Hamil;
10. Mewajibkan majikan membuat bayaran gaji melalui institusi kewangan;
11. Meletakkan kewajipan majikan mempamer notis berhubung Pencegahan Gangguan Seksual di tempat pekerjaan;
12. Memperkemas penggajian pekerja asing dengan mewajibkan majikan mendapat kebenaran awal daripada Ketua Pengarah JTKSM;
13. Memasukkan formula pengiraan gaji bagi kerja tidak cukup bulan;
14. Memasukkan peruntukan baharu berkaitan “anggapan pekerja” bagi memudahkan kes pendakwaan di mahkamah;
15. Memasukkan peruntukan baharu berkaitan bayaran gaji dan apa-apa bayaran lain yang tertunggak supaya dibayar sekali bersama denda oleh Mahkamah;
16. Meningkatkan penalti am daripada RM10,000 kepada RM50,000 bagi pelanggaran peruntukan di bawah Akta 265; dan
17. Pindaan-pindaan kecil lain yang bersangkutan.

# PEMBATALAN PERINTAH KERJA (PENGECUALIAN) 2012

JTKSM sentiasa komited dan berusaha memastikan semua kebajikan dan hak pekerja yang bekerja di negara ini dipelihara dan mendapat perlindungan yang sepatutnya termasuk pekerja-pekerja kontraktor untuk buruh dalam semua sektor pekerjaan.

Pindaan Akta Kerja 1955 [Akta 265] turut merangkumi penambahbaikan peruntukan berhubung kontraktor untuk buruh melalui pengenalan subseksyen baharu 33A(1A). Peruntukan tersebut menghendaki kontraktor untuk buruh supaya memasuki kontrak bertulis dengan prinsipal, kontraktor atau sub-kontraktor dan kontrak tersebut hendaklah sedia untuk diperiksa oleh Pegawai Tenaga Kerja. Subseksyen ini diperkenalkan untuk memastikan pekerja-pekerja yang dibekalkan oleh kontraktor untuk buruh turut dilindungi dan mendapat semua faedah minimum di bawah Akta 265.

Susulan pindaan Akta 265, Perintah Kerja (Pengecualian) 2012, No. P.U. (A) 87/2012 bertarikh 30 Mac 2012 telah dibatalkan melalui Perintah Kerja (Pengecualian) (Pembatalan) 2023, P.U. (A) 257/2023 bertarikh 29 Ogos 2023. Perintah ini pada asalnya menetapkan mana-mana orang yang membuat kontrak untuk perkhidmatan dengan prinsipal untuk membekalkan pekerja yang diperlukan oleh prinsipal bagi pelaksanaan keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada kerja untuk prinsipal dalam mana-mana industri, institusi perniagaan atau perusahaan, selain perusahaan pertanian, dikecualikan daripada seksyen 31, 33A, 69 dan 73 Akta 265.

Pekerja-pekerja dalam industri yang dikecualikan daripada pemakaian perintah ini seperti industri pembinaan, perkilangan dan perkhidmatan seringkali dimanipulasi oleh pihak tidak bertanggungjawab yang mengakibatkan pekerja-pekerja terlibat terkesan dan tiada tindakan penguatkuasaan boleh dijalankan terhadap kontraktor untuk buruh tersebut seperti tanggungjawab memberi kontrak perkhidmatan, penyata gaji, membayar gaji, gaji kerja lebih masa dan sebagainya yang terletak pada kontraktor untuk buruh sebagai majikan langsung pekerja-pekerja yang dibekalkan tersebut.

Oleh yang demikian, jabatan berpandangan bahawa pekerja-pekerja kontraktor untuk buruh dalam semua sektor pekerjaan perlu dilindungi dan tanggungjawab diletakkan kepada semua pihak terlibat untuk memastikan kontrak yang ditandatangani dengan kontraktor untuk buruh dibuat secara bertulis.

Pembatalan Perintah Kerja (Pengecualian) 2012 ini membolehkan pegawai jabatan mengenalpasti majikan sebenar pekerja-pekerja kontraktor untuk buruh untuk tindakan pemeriksaan lanjut dan menguatkuasakan undang-undang khususnya berkaitan seksyen 31, 33A, 69 dan 73 Akta 265 secara menyeluruh tanpa membezakan mana-mana industri. Penerangan mengenai seksyen 31, 33A, 69 dan 73 Akta 265 adalah sebagaimana di Infografik 30.

Infografik 30: Peruntukan mengenai Seksyen 31, 33A, 69 dan 73 Akta 265.

| Seksyen 31 | Seksyen 33A | Seksyen 69 | Seksyen 73 |
|---|---|---|---|
| Keutamaan upah daripada lain-lain hutang | Maklumat berkenaan pembekalan pekerja | Kuasa Ketua Pengarah untuk menyiasat tentang pengaduan | Perintah larangan oleh Ketua Pengarah kepada pihak Ketiga |

# PENGURUSAN PEKERJA ASING

## KELULUSAN AWAL PENGGAJIAN PEKERJA ASING DI BAWAH SEKSYEN 60K AKTA KERJA 1955

Kelulusan awal penggajian pekerja asing adalah selaras dengan pindaan Seksyen 60K Akta Kerja 1955 [Akta 265] yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2023. Peruntukan ini mewajibkan majikan untuk mendapatkan kelulusan awal Ketua Pengarah sebelum permohonan bagi mendapatkan kuota pekerja asing. Sehubungan dengan itu, JTKSM bertanggungjawab untuk menjalankan siasatan bagi memastikan pematuhan undang-undang perburuhan sebelum kelulusan diberikan kepada majikan. Permohonan ini adalah terpakai kepada semua majikan yang ingin menggajikan pekerja asing tanpa mengira jenis jawatan atau pas penggajian. Statistik permohonan Kelulusan Penggajian Pekerja Asing di bawah Seksyen 60K Akta Kerja 1955 mengikut sektor, jumlah permohonan keseluruhan dan permohonan penyelesaian mengikut peratusan adalah sebagaimana di Infografik 31, 32 dan 33.

Infografik 31: Statistik permohonan Kelulusan Penggajian Pekerja Asing di bawah Seksyen 60K Akta Kerja 1955 mengikut sektor bagi tahun 2023.



Infografik 32: Statistik permohonan penggajian pekerja asing di bawah Seksyen 60K Akta Kerja 1955.




Infografik 33: Statistik permohonan yang diselesaikan mengikut peratusan lulus dan tolak.




## Pelan Kelonggaran Penggajian Pekerja Asing (PKPPA)

PKPPA adalah inisiatif yang diperkenalkan oleh Kerajaan pada tahun 2023 bagi memudah cara kelulusan dan kemasukan pekerja asing di negara ini. Inisiatif ini bertujuan untuk memacu pertumbuhan ekonomi negara ke tahap yang lebih baik. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 7 dan 21 Disember 2022 bersetuju untuk melaksanakan PKPPA di sektor perkilangan, pembinaan, perladangan, pertanian dan perkhidmatan (sub sektor restoran). Permohonan penggajian pekerja asing melalui PKPPA diproses dalam tempoh tiga hari bekerja dan dibuat melalui FWeApproval di *Foreign Workers Centralized Management System* (FWCMS). Statistik mengikut jenis permohonan dan kategori pas penggajian pekerja asing di bawah Seksyen 60K Akta Kerja 1955 adalah sebagaimana di Jadual 12 dan 13.

Jadual 12: Statistik permohonan penggajian pekerja asing di bawah Seksyen 60K Akta Kerja 1955 bagi tahun 2023.

| **Jenis Permohonan** | Terima | Selesai | Lulus | Tolak | Dalam Tindakan |
|---|---|---|---|---|---|
| Pelan Kelonggaran Penggajian Pekerja Asing (PKPPA) | 12680 | 12680 | 9266 | 3414 | 0 |
| Permohonan Biasa | 4,482 | 4,399 | 1,286 | 3,113 | 83 |
| **Jumlah** | **17162** | **17079** | **10552** | **6527** | **83** |

Sumber: JTKSM

Jadual 13: Statistik permohonan penggajian pekerja asing di bawah Seksyen 60K Akta Kerja 1955 mengikut kategori pas bagi tahun 2023.

| **Kategori Pas** | **Terima** | **Selesai** | **Lulus** | **Tidak** | **Dalam Tindakan** |
|---|---|---|---|---|---|
| Pegawai Dagang | 7,400 | 7,180 | 5,133 | 2,047 | 220 |
| Nelayan Asing | 1,042 | 1,034 | 989 | 45 | 8 |
| Pengawal Keselamatan | 607 | 595 | 320 | 275 | 12 |
| Tukang Masak Tomyam | 445 | 432 | 332 | 100 | 13 |
| PLKS Warganegara Thailand (Pas Tradisi) | 360 | 337 | 305 | 32 | 23 |
| Pas Lawatan Profesional (PVP) | 246 | 237 | 230 | 7 | 9 |
| Pas Resident - *Talent* | 176 | 175 | 166 | 9 | 1 |
| Pas Residen | 147 | 145 | 137 | 8 | 2 |
| Kru Kapal | 65 | 65 | 60 | 5 | 0 |
| Ikhtisas | 46 | 46 | 42 | 4 | 0 |
| Peserta Pas Visa Premium (PVIP) | 42 | 42 | 39 | 3 | 0 |
| Pas Pelajar | 13 | 13 | 11 | 2 | 0 |
| Peserta Program Malaysia *My Second Home* | 4 | 4 | 2 | 2 | 0 |
| Jumlah | **10,593** | 10,305 | 7,766 | 2,539 | 288 |

Sumber: JTKSM

# PERMOHONAN PERTUKARAN MAJIKAN MENGGAJIKAN PEKERJA ASING

Pertukaran majikan adalah aktiviti membenarkan majikan yang sedang menggajikan pekerja asing memindahkan pekerja tersebut kepada majikan baharu. Majikan baharu yang berhasrat untuk menggajikan pekerja asing ini perlu mendapatkan Surat Kelulusan Awal Penggajian Pekerja Asing di bawah seksyen 60K Akta 265. Ini bertujuan untuk memastikan pekerja asing sedia ada digajikan secara sah oleh majikan baharu dan kekal berkhidmat serta dilindungi di bawah undang-undang perburuhan di Malaysia. Keadaan-keadaan yang membolehkan permohonan pertukaran majikan adalah sebagaimana di Infografik 34 manakala statistik permohonan pertukaran majikan adalah seperti di Infografik 35.

Infografik 34: Keadaan-keadaan yang membolehkan permohonan pertukaran majikan.




Infografik 35: Statistik permohonan pertukaran majikan bagi tahun 2023.



## PERMOHONAN PERTUKARAN MAJIKAN (PTM) KHAS

JTKSM menangani isu eksploitasi pekerja asing melalui mekanisme Pertukaran Majikan (PTM) Khas. Mekanisme ini diwujudkan bagi menangani lambakan pekerja asing terabai yang disebabkan oleh kegagalan majikan menyediakan pekerjaan dan membayar gaji serta penginapan yang tidak kondusif dan tidak diberi makan dan minum secukupnya. Pekerja asing terabai akan diselamatkan dan ditukarkan kepada majikan baharu yang layak. Pekerja asing yang dipindahkan juga dibolehkan untuk bertukar sektor.

Pekerja asing terabai telah berjaya ditukarkan kepada majikan baharu yang berkelayakan adalah sebagaimana di Jadual 14. Jadual 14 menunjukkan bilangan penyerahan pekerja asing terabai tertinggi adalah daripada sektor perkhidmatan (pembersihan dan pencucian) iaitu seramai 1,300 pekerja asing daripada lapan majikan. Laporan siasatan PTM Khas menunjukkan antara faktor utama yang mendorong kepada majikan gagal menyediakan pekerjaan di sektor perkhidmatan (pembersihan dan pencucian) adalah disebabkan oleh kontrak pembersihan dan pencucian tidak diperbaharui.

Jadual 14: Statistik sektor majikan asal dan majikan baharu dalam PTM Khas bagi tempoh 24 Mei 2023 sehingga 31 Disember 2023.

| Sektor / Sub Sektor Majikan Asal | Bilangan Majikan Asal | Bilangan Pekerja Asing | Bilangan Majikan Baharu | Bilangan Pekerja Asing |
|---|---|---|---|---|
| Perkilangan | 4 | 269 | 14 | 960 |
| Pembinaan | 2 | 35 | 0 | 0 |
| Perladangan | 1 | 60 | 4 | 60 |
| Perkhidmatan (Pembersihan dan Pencucian) | 8 | 1,300 | 3 | 192 |
| Perkhidmatan (Gudang Darat) | 0 | 0 | 4 | 126 |
| Perkhidmatan (Hotel) | 0 | 0 | 8 | 74 |
| Perkhidmatan (Borong dan Runcit) | 0 | 0 | 6 | 192 |
| Perkhidmatan (Kargo) | 0 | 0 | 1 | 60 |
| Jumlah | 15 | 1,664 | 40 | 1,664 |

Sumber: JTKSM

## GAMBAR-GAMBAR AKTIVITI OPERASI PEMINDAHAN PERTUKARAN MAJIKAN KHAS







Operasi Pemindahan Pekerja Asing Terabai melalui Pertukaran Majikan Khas di Pengerang Johor pada 16 Februari 2024 dan 28 Februari 2024 melibatkan 197 pekerja asing dipindahkan ke 12 majikan baharu. Operasi ini bantu oleh Jabatan Tenaga Kerja Negeri Johor, Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia.

## DEMAND LETTER ATTESTATION BAGI PENGAMBILAN PEKERJA ASING WARGANEGARA NEPAL

Nepal merupakan salah satu negara sumber untuk penggajian pekerja asing di Malaysia. Justeru, pengesahan *Demand Letter* oleh JTKSM adalah salah satu kriteria yang ditetapkan bagi kemasukan pekerja Nepal. Perkara ini telah dipersetujui oleh kedua-dua negara melalui Mesyuarat Joint Working Group Ke-2 pada September 2019 di Putrajaya. Sebanyak 3,254 *demand letter* telah diterima dan disahkan oleh jabatan pada 2023 sebagaimana Jadual 15.

Jadual 15: Statistik *Demand Letter Attestation* mengikut negeri bagi tahun 2023.

| Negeri | Sektor | | | | | | Jumlah Keseluruhan *Demand Letter* (PTK & Negeri) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Pembinaan | Perkilangan | Perladangan | Pertanian | Perkhidmatan | Pegawai Keselamatan | |
| WP Putrajaya | 52 | 927 | 40 | 89 | 311 | 233 | 1,652 |
| Johor | 29 | 473 | 8 | 37 | 94 | 17 | 658 |
| WP Kuala Lumpur | 23 | 39 | 3 | 4 | 113 | 158 | 340 |
| Pulau Pinang | 12 | 207 | 6 | 12 | 36 | 1 | 274 |
| Selangor | 2 | 110 | 1 | 8 | 42 | 11 | 174 |
| Kedah | 0 | 36 | 1 | 6 | 4 | 1 | 48 |
| Perak | 1 | 14 | 2 | 12 | 7 | 0 | 36 |
| Negeri Sembilan | 0 | 26 | 3 | 4 | 6 | 12 | 51 |
| Pahang | 0 | 3 | 1 | 4 | 2 | 0 | 10 |
| Kelantan | 0 | 0 | 1 | 0 | 1 | 0 | 2 |
| Melaka | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 |
| Terengganu | 1 | 5 | 1 | 0 | 1 | 0 | 8 |
| Perlis | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Jumlah | 120 | 1,841 | 67 | 176 | 617 | 433 | 3,254 |

Sumber: JTKSM

## PEKERJA DOMESTIK ASING

Pekerja domestik asing (PDA) merujuk kepada pekerja asing yang diambil bekerja di tempat tinggal persendirian dan tidak berhubung dengan mana-mana tred, perniagaan atau profesion yang dijalankan oleh majikan. PDA ini termasuk tukang masak, pembantu rumah, ketua babu, jururawat kanak-kanak, pembantu rumah lelaki, pembantu pemandu, tukang kebun, tukang basuh atau tukang cuci, penjaga kuda dan pemandu atau pencuci mana-mana kenderaan yang diberi lesen untuk kegunaan persendirian. Negara sumber bagi penggajian PDA adalah seperti di Infografik 36. Hak-hak PDA dalam kontrak perkhidmatan adalah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat penggajian yang telah dipersetujui secara bersama di antara majikan dan PDA itu sendiri berdasarkan penetapan undang-undang perburuhan yang berkaitan atau melalui Memorandum Persefahaman (*Memorandum of Understanding* - MoU). MoU berkaitan penggajian PDA yang masih berkuatkuasa adalah seperti di bawah:

- *Memorandum of Understanding between the Government of Malaysia and the Government of the Republic of Indonesia on the Employment and Protection of Indonesian Domestic Migrant Workers in Malaysia, 1 April 2022; dan*
- *Memorandum of Understanding between the Government of Malaysia and the Government of the Kingdom of Cambodia on the Recruitment and Repatriation of Domestic Workers, 27 March 2023*

Infografik 36: Negara-negara sumber pekerja domestik asing.



# PEKERJA DOMESTIK INDONESIA (PDI)

Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Indonesia telah memeterai MoU mengenai Pengambilan dan Perlindungan Pekerja Domestik Indonesia di Malaysia pada 1 April 2022 di Jakarta, Republik Indonesia. Objektif MoU tersebut adalah untuk menetapkan satu mekanisme penggajian dan perlindungan kepada PDI melalui proses yang lebih teratur dan selamat melalui satu saluran kemasukan tunggal (*one channel system*) berdasarkan undang-undang, peraturan serta dasar dan polisi perburuhan semasa kedua-dua negara. Pengambilan PDI ke Malaysia adalah diwajibkan menggunakan perkhidmatan APS berlesen di bawah kategori lesen B atau C.

Jabatan berperanan mengeluarkan Surat Kelulusan Awal Penggajian Pekerja Asing di bawah Seksyen 60K Akta 265 kepada majikan berdasarkan syarat dan kriteria yang ditetapkan di bawah MoU. Proses permohonan penggajian pekerja domestik asing (PDA) adalah sebagaimana di Infografik 37.

Infografik 37: Proses permohonan penggajian pekerja domestik asing (PDA).




- Permohonan pekerja domestik asing (PDA)
- Permohonan pekerja domestik Indonesia (PDI)
- Pengasingan proses permohonan

Jadual 16: Statistik permohonan penggajian pekerja domestik asing bagi tahun 2023.

| Jenis Permohonan | Terima | Selesai | Lulus | Tolak | Baki |
|---|---|---|---|---|---|
| Indonesia | 10,676 | 9,706 | 9,136 | 570 | 970 |
| Lain-lain negara | 7,190 | 6,693 | 6,482 | 211 | 497 |
| Jumlah | 17,866 | 16,399 | 15,618 | 781 | 1,467 |

Sumber: JTKSM

## PAMPASAN PEKERJA ASING

Skim Pampasan Pekerja Asing (SPPA) merupakan skim insurans yang memberi perlindungan kepada pekerja asing sekiranya mengalami bencana kerja atau penyakit yang berpunca atau diakibatkan daripada pekerjaan. Skim ini adalah suatu skim di bawah Akta Pampasan Pekerja 1952 yang dikuatkuasakan oleh jabatan. Mulai 1 Januari 2019, ianya menjadi satu kewajiban untuk semua pekerja asing yang mempunyai permit kerja yang sah, mendaftar dan mencarum di bawah perlindungan Skim Bencana Pekerja (SBK), Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969. Oleh itu, JTKSM hanya menguruskan pembayaran wang pampasan kepada pekerja asing yang terbencana bagi taksiran yang telah dibayar oleh pihak insuran di bawah SPPA. Baki akaun deposit pampasan pekerja adalah sebagaimana di Infografik 38.

Infografik 38: Baki akaun deposit pampasan pekerja.



# PROMOSI

# SEMINAR

## SEMINAR ON COMBATTING FORCED LABOUR IN MALAYSIA

Salah satu inisiatif utama yang dikenal pasti bagi menangani isu buruh paksa dan pemerdagangan orang adalah dengan memperkasakan aktiviti kesedaran dan program pendidikan. Komitmen JTKSM di bawah *National Action Plan on Forced Labour* (2021-2025) dan *National Action Plan on Anti - Trafficking in Persons* 3.0 (2021-2025) adalah untuk menghapuskan elemen buruh paksa dan pemerdagangan orang di Malaysia.



Pada 14 September 2023, JTKSM telah mengadakan Seminar *on Combatting Forced Labour in* Malaysia yang bertemakan "*Together We Can*" bertempat di Hotel Dorsett, Putrajaya dan telah dihadiri oleh wakil-wakil agensi kerajaan, persekutuan majikan, kesatuan sekerja pekerja serta pemegang taruh lain. Seminar tersebut dirasmikan oleh YB. Tuan V. Sivakumar, Menteri Sumber Manusia dan turut membuat peluncuran Buku Garis Panduan Mencegah Dan Membasmi Amalan Buruh Paksa Di Tempat Pekerjaan. Buku tersebut adalah inisiatif untuk memupuk kesedaran dalam kalangan pemegang taruh dan pihak berkepentingan yang lain mengenai buruh paksa. Program yang sama turut diadakan di Pulau Pinang, Johor, Selangor dan Pahang untuk menyebar luas informasi berkaitan larangan buruh paksa.

Seminar ini menjadi platform mengumpulkan semua pemegang taruh dengan tujuan berkongsi pengetahuan dan meningkatkan kesedaran berkaitan langkah-langkah dan strategi sebagai usaha menghapuskan amalan buruh paksa serta pemerdagangan orang selaras dengan hasrat mencapai matlamat sifar buruh paksa menjelang tahun 2030. Hasrat ini merupakan komitmen bersama dalam menjamin persekitaran pekerjaan yang selamat selaras dengan konsep keterangkuman (*inclusivity*) iaitu tiada keciciran dalam menerima layanan dan hubungan sesama ahli masyarakat walaupun wujud perbezaan latar belakang, budaya dan kepercayaan berlandaskan teras utama Malaysia Madani.





# PENDIDIKAN PERBURUHAN

Pendidikan perburuhan merujuk kepada aktiviti jabatan bagi meningkatkan pengetahuan dan kesedaran majikan, pekerja, pemegang taruh dan orang awam berhubung undang-undang, peraturan dan dasar perburuhan. Selain itu, pendidikan perburuhan amat penting dalam menyebar luas informasi berkenaan pentadbiran perburuhan negara dan seterusnya dapat mengukuhkan tahap pematuhan kepada undang-undang perburuhan yang berkuatkuasa.

## PENERBITAN

JTKSM merupakan peneraju utama yang menguruskan isu-isu perburuhan negara di antara majikan dan pekerja. Peranan dan tanggungjawab jabatan perlu seiring dengan perubahan teknologi dan pendigitalan supaya penyampaian perkhidmatan adalah lebih berkesan.

Berdasarkan Kerangka Pelan Strategik JTKSM 2021-2025, jabatan bertanggungjawab untuk menerajui pendidikan perburuhan seperti yang ditetapkan di bawah Kluster 1: Peneraju Penguatkuasaan Perburuhan Negara melalui Strategi 03: Memperkasakan masyarakat melalui penyampaian pendidikan perburuhan yang mampan. Oleh itu, jabatan telah berjaya membuat penerbitan dan dimuat naik ke portal rasmi jabatan.

1


Cuti

2


Permit Perburuhan

3


Notis Penamatan

4

Pekerja Kanak-kanak & Orang Muda

5


Perlindungan Wanita Hamil dan Bersalin

6


Waktu Bekerja

7


Buletin

8


Garis Panduan
Mencegah dan Membasmi Amalan Buruh Paksa di Tempat Pekerjaan

9


Laporan Tahunan

## PROGRAM PENDIDIKAN PERBURUHAN

Program Pendidikan Perburuhan diadakan bertujuan menyebar luas informasi berhubung peranan dan fungsi jabatan, akta dan peraturan yang dikuatkuasakan serta amalan terbaik pentadbiran perburuhan oleh pemain industri.  Golongan sasar bagi program ini ialah majikan, pekerja, kesatuan sekerja pekerja, kesatuan sekerja majikan, pertubuhan majikan, persatuan APS, persatuan perniagaan dan orang awam.  Objektif  program pendidikan perburuhan adalah seperti di Infografik 39.

Infografik 39:  Objektif program pendidikan perburuhan.














Jadual 17 : Statistik program pendidikan perburuhan mengikut negeri pada tahun 2023.

| Negeri | Anjuran JTKSM | Kolaborasi | Jumlah |
|---|---|---|---|
| Pulau Pinang | 11 | 26 | 37 |
| WP Putrajaya | 6 | 12 | 18 |
| Pahang | 5 | 11 | 16 |
| Selangor | 5 | 12 | 17 |
| Johor | 6 | 8 | 14 |
| Perak | 6 | 7 | 13 |
| Kelantan | 5 | 7 | 12 |
| WP Kuala Lumpur | 4 | 8 | 12 |
| Kedah | 6 | 5 | 11 |
| Negeri Sembilan | 6 | 5 | 11 |
| Terengganu | 4 | 7 | 11 |
| Perlis | 4 | 5 | 9 |
| Melaka | 4 | 4 | 8 |
| WP Labuan | 4 | 4 | 8 |
| **Jumlah** | **76** | **121** | **197** |

Sumber: JTKSM

# PROGRAM KOLABORASI STRATEGIK BERKAITAN PEKERJAAN

Program Kolaborasi Strategik Berkaitan Pekerjaan (PKS) telah diadakan selaras dengan inisiatif jabatan di bawah Pelan Strategik Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia 2021-2025 untuk mempersiapkan semua warga jabatan dengan pengetahuan dan kemahiran bagi menambahbaik kecekapan penyampaian perkhidmatan. Selain itu, program ini merupakan salah satu kaedah untuk meningkatkan publisiti jabatan dalam organisasi di negara dengan mengadakan lawatan ke organisasi di bawah industri-industri terpilih. Pada tahun 2023, sebanyak lima syarikat yang dipilih iaitu Mulia Property Development Sdn. Bhd., Malaysia Airport Holdings Berhad, Syarikat Air Melaka Berhad, Mission Foods Malaysia Berhad dan Panasonic Industrial Devices Malaysia Sdn. Bhd. Objektif program kolaborasi strategik adalah seperti di Infografik 39.

Infografik 39: Objektif program kolaborasi strategik.



## SEKITAR PROGRAM KOLABORASI STRATEGIK BERSAMA PIHAK SYARIKAT














# KHIDMAT NASIHAT PERBURUHAN

JTKSM sentiasa beriltizam dan cakna dalam meningkatkan pengetahuan undang-undang perburuhan terutamanya kepada majikan dan pekerja. Peranan JTKSM turut diperkukuhkan melalui khidmat nasihat perburuhan kepada pelanggan jabatan berlandaskan undang-undang yang dikuatkuasakan. Khidmat nasihat dijalankan melalui perkhidmatan kaunter di Jabatan Tenaga Kerja dan Pejabat Tenaga Kerja di seluruh negara. Khidmat nasihat turut diberikan melalui surat, panggilan telefon dan e-mel. Skop khidmat nasihat perburuhan dan pelanggan jabatan adalah seperti di Infografik 40 dan 41.

Infografik 40: Khidmat nasihat perburuhan kepada pelanggan jabatan.




Infografik 41: Skop khidmat nasihat jabatan.



# PENGURUSAN PENTADBIRAN

# PENGURUSAN KEWANGAN

Kaedah penyampaian perkhidmatan memberikan penekanan kepada kecekapan pengurusan sumber manusia dan kewangan dalam melaksanakan tugasan bagi memenuhi ekspektasi pelanggan jabatan serta pihak berkepentingan. Oleh itu, jabatan sentiasa mencari inisiatif dan kepelbagaian untuk pemerkasaan peranan jabatan berdasarkan agihan peruntukan kewangan.

Pada tahun 2023, JTKSM menerima peruntukan mengurus sebanyak RM 76,135,582.42 dan peruntukan pembangunan sebanyak RM 2,750,000.00. Keseluruhan perbelanjaan mengurus JTKSM bagi tahun 2023 adalah berjumlah RM 75,924,869.79 manakala perbelanjaan pembangunan berjumlah RM 2,711,829.68. Peruntukan kewangan ini telah membolehkan jabatan merancang dan membentuk strategi untuk mencapai visi, misi dan objektif yang ditetapkan. Infografik 42 menunjukkan peruntukan dan perbelanjaan kewangan jabatan bagi tahun 2023.

Infografik 42: Peruntukan dan perbelanjaan kewangan jabatan pada tahun 2023.

**Peruntukan Mengurus**

**RM76,135,582.42**

**Perbelanjaan**



**RM75,924,486.79**

**Peruntukan Pembangunan**

**RM2,750,000.00**

**Perbelanjaan**



**RM2,711,829.68**

Sumber: JTKSM

# LATIHAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

## LATIHAN

Agenda pembangunan modal insan melalui latihan turut menjadi prioriti jabatan sebagai sebuah agensi yang berurusan terus dengan rakyat dan bertanggungjawab menggambarkan imej sebagai sebuah jabatan yang dipercayai, disegani serta berintegriti. Justeru, pembangunan Pelan Operasi Latihan seperti yang digariskan dalam Pelan Strategik JTKSM 2021 - 2025 menghasilkan impak kepada pelaksanaan latihan terancang dan berstruktur dalam melahirkan pegawai berpengetahuan luas, berkemahiran tinggi serta mempunyai sahsiah terpuji. Natijahnya, jabatan dapat memastikan perkhidmatan kepada rakyat disampaikan secara berkualiti berbekalkan modal insan yang cemerlang hasil daripada pelaksanaan latihan untuk meningkatkan kompetensi pegawai. Latihan yang dilaksanakan pada tahun 2023 meliputi latihan untuk memperkasa pengetahuan dan kemahiran dalam mengendalikan aktiviti jabatan, berbentuk motivasi dan keterampilan. Selain itu, pegawai jabatan turut dihantar menyertai latihan di peringkat antarabangsa yang dianjurkan oleh ILO.











# PEMBANGUNAN STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN

JTKSM berikrar untuk memperkasa pengetahuan dan kemahiran pegawai menerusi pengukuhan kapasiti dan latihan ke arah kecekapan pelaksanaan perkhidmatan jabatan. Oleh itu, pembangunan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (*National Occupational Skills Standard* - NOSS) telah dilaksanakan bagi penguatkuasaan aktiviti perburuhan.

Inisiatif pembangunan NOSS telah dibuat dari tahun 2021 iaitu permohonan kepada JPK, pembangunan kompetensi pada tahun 2022 dan akhirnya kelulusan NOSS pada April 2023. Kompetensi NOSS dibangunkan untuk dijadikan sebagai dokumen bagi menggariskan keterampilan diperlukan khususnya oleh seseorang pegawai perhubungan perusahaan yang bekerja dalam bidang hubungan industri dan perburuhan serta tahap pekerjaan serta laluan untuk mencapai keterampilan. Infografik 43 merupakan dua kompetensi teras (NOSS) yang dibangunkan.

Infografik 43: Dua kompetensi teras (NOSS) yang dibangunkan.




Objektif pembangunan NOSS ini adalah untuk mempersijilkan pegawai dengan kemahiran yang diiktiraf oleh Kerajaan. Pengiktirafan melalui pensijilan NOSS ini diharapkan dalam memberi nilai tambah kepada pengetahuan dan kemahiran pegawai JTKSM khasnya serta pegawai perhubungan perusahaan amnya. Panel pembangun daripada JTKSM yang terlibat dalam penghasilan dua kompetensi teras ini ialah:

1) Encik Mohd Hajazy bin Jusoh
2) Cik Norlia Anak Jawor
3) Dr Aida binti Bakar
4) Puan Nisbah Awatiff binti Md. Noh





# PENGHARGAAN DAN PENGIKTIRAFAN

Anugerah Pejabat Terbaik Tahun 2022 telah diberikan kepada JTK Negeri dan pejabat cawangan berdasarkan kepada pencapaian KPI, *workload* dan pencapaian aspek pengurusan. Ketiga-tiga kriteria tersebut menjadi pertimbangan dalam menentukan penerima Anugerah Pejabat Terbaik bagi tahun 2022. Diharapkan anugerah ini dapat memberi motivasi dan cetusan semangat kepada semua pegawai dan kakitangan dalam memperkasakan mutu penyampaian perkhidmatan jabatan dan seterusnya menaikkan nama JTKSM sebagai sebuah jabatan yang disegani.

## ANUGERAH JABATAN TENAGA KERJA TERBAIK 2022

**JABATAN TENAGA KERJA**
**TERBAIK 2022**

**JTK NEGERI SELANGOR**



# PENGHARGAAN DAN PENGIKTIRAFAN

## ANUGERAH PEJABAT TENAGA KERJA TERBAIK 2022

PEJABAT TENAGA KERJA
TERBAIK 2022

**PTK
PELABUHAN KLANG**







PEJABAT TENAGA KERJA
TERBAIK 2022

**PTK MELAKA**

PEJABAT TENAGA KERJA
TERBAIK 2022

**PTK SETIU**



# PENGHARGAAN DAN PENGIKTIRAFAN

## PENULISAN ARTIKEL TERBAIK

Jabatan telah mengambil inisiatif menyediakan platform untuk mencungkil potensi dan menghargai bakat pegawai termasuk kemahiran dalam penulisan. Sejajar dengan hasrat untuk meningkatkan kemahiran menulis dalam kalangan pegawai, JTKSM telah mengadakan Anugerah Penulisan Artikel Terbaik. Anugerah ini mula diperkenalkan oleh Ketua Pengarah JTKSM pada tahun 2019 dan telah menjadi anugerah tahunan dalam penghasilan artikel jabatan.

Pada tahun 2023, sebanyak empat penyertaan telah diterima daripada pegawai jabatan. Empat tajuk artikel yang diterima adalah seperti berikut:

### PEMENANG

**Pengurusan Pekerja Asing Dalam Konteks Penggajian dan Penginapan Pekerja**

Oleh : Encik Mohamad Nizam bin Ahmad
(PTK Sungai Petani)

### PENYERTAAN

**Pengurusan Pekerja Asing Di Malaysia**

Oleh : Puan A. Thanavali Arnasalam
(JTK Negeri Pulau Pinang)

### PENYERTAAN

**Memperkasakan Aktiviti Penguatkuasaan**

Oleh : Encik Aznan bin Salleh
(PTK Pekan)

### PENYERTAAN

**Memperkasakan Aktiviti Penguatkuasaan**

Oleh : Puan Siti Para Suara binti Ahmad
(PTK Dungun)



# ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

Seramai 85 orang warga JTKSM terpilih menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 2022 sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan terhadap prestasi kerja yang cemerlang serta sumbangan dalam perkhidmatan di JTKSM.

## WP PUTRAJAYA

Kala A/P Thangarajoo
Zainuddin Bin Mahmood
Farhana Binti Amzah
Muzzaffar Bin Awang @ Awang Mukhtar
Nurul Amni Binti Ishak
Benifaceus Bin Gadok @ Basil
Hidayati Binti Mohd Shaari
Syamsinar Binti Hashim
Zuraida Binti Zainal Abidin
Nur Afeza Binti Jaafar
Lukman Bin Jusoh
Kartika Khairunnisa Binti Kamisan
Norliza Binti Mohamad Yunus
Eddy Junaidi Bin Ridwan

## PULAU PINANG

Norrajiah Binti Mohd Nasfi
Norainiza Binti Bashuri
Shamsiah Binti Ahmad
Perunchelvi A/P Thandaithabany
Hartina Binti Abdul Rahim

## KEDAH

Shakina Binti Hussain
Amar Fariz Bin Osman
Zauridah Binti Omar @ Azizan
Muhamad Syafeek Bin Sa'ari
Mohd Fadzlan Bin Fadzil
Noor Aziyati Binti Marzuki

## WP KUALA LUMPUR

Norsiati Binti Nordin
Ahmad Farid Bin Alias
Midah Binti Chumangin
Nurfazlin Binti Mohd Noor
Muhamad Khairul Alimin Bin Kamarudin

## SELANGOR

Misnawati Binti Lehan
Mohammad Yusri Bin Mustafa Kamal
Malanie A/P Palaniandy
Nurzati Iwani Binti Kamudin
Siti Zawani Binti Abdullah
Wan Noorazian Binti Wan Zainal
Khairul Nizam Bin Abu
Nur Atiqah Binti Jamaluddin
Suzirawati Binti Mustapha
Nurul Ashikin Binti Mohamed Sanusi
Razali Bin Mat Ramli
Sofiah Binti Latip

## PERAK

Nor Azura Binti Mahayudin
Khairul Hisham Bin Abu Shari
Faizul Ridwan Bin Azmi
Norhaslamiah Binti Hussin
Kavitha A/P Arjunan
Mohd Samsul Hashim Bin Mohd Isa
Syafawati Binti Muhamad
Siti Nur Azreen Binti Mohd Radzi Woo
Mohamad Pirus Bin Mohd Zin
Azhar Bin Ahmad

## PAHANG

Ruzuhan Bin Che Wel
Kamaruddin Bin Abdullah
Siti Rohaiza Binti Baharum
Nooradzlyn Binti Noordin
Emllia Binti Ghani
Juliana @ Syahida Binti Mohd Yusop

## TERENGGANU

Mohd Shahrizal Bin Arifin
Khairu Hamdam Bin Mohamed
Mohd Nor Idham Bin Ahmad
Nor Azlina Binti Muda @ Adnan
Norulhuda Binti Ismail

## NEGERI SEMBILAN

Ruzita Binti Idris
Azimah Binti Zainal
Maharom Binti Mohamed
Ahmad Suzaimy Bin Sukor

## MELAKA

Muhammad Faiz Bin Mustapha
Noor Razilah Binti Mohd Radzi
Hamidah Binti Abdullah

## KELANTAN

Manora Binti Awang
Nor Hasyimah Binti Ramli
Faizal Azwan Bin Nawi

## PERLIS

Ezwan Bin Omar



# PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

# PORTAL JABATAN

Portal JTKSM merupakan salah satu inisiatif jabatan dalam memperkasakan sistem penyampaian maklumat dan perkhidmatan yang pantas serta lebih berkesan secara dalam talian kepada orang awam. Portal JTKSM juga merupakan salah satu saluran rasmi jabatan. Ianya telah dinaiktaraf bagi memastikan penyampaiannya lebih menarik, interaktif dan mesra pengguna.

http://jtksm.mohr.gov.my

## NAIK TARAF PORTAL JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA







Seiring dengan persekitaran ledakan teknologi maklumat dan trend perkembangan era Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) dan yang terkini inovasi berlandaskan *artificial intelligence* (AI), jabatan telah mengorak langkah secara proaktif dengan menaik taraf portal rasmi JTKSM.

Projek menaik taraf portal ini telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT Kementerian Sumber Manusia bertarikh 16 Februari 2022 dan dilaksanakan selama 10 bulan bermula pada 3 Julai 2022 sehingga 2 Mei 2023. Projek ini bertujuan meningkatkan akses kepada maklumat sekaligus dapat mengukuhkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan dengan lebih efisien disamping dapat menaik taraf imej korporat jabatan.

Portal baharu yang telah dinaiktaraf ini lebih responsif, tersusun, informatif, mudah dicapai dan lebih selamat daripada serangan *malware* dan *hackers*. Ianya juga telah diintegrasikan dengan sistem-sistem sokongan Kementerian dan Jabatan seperti SSO Kementerian, e-JAS, LMD, eLC, eMasa dan lain-lain aplikasi. Antara ciri baharu berlandaskan AI yang ada dalam portal ini ialah *chatbot* dan *fillable form* bersifat mesra pengguna.

Portal ini telah berjaya disiarkan (*go-live*) pada 27 April 2023 dan telah dilancarkan semasa perasmian Mesyuarat Kajian Separuh Penggal Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia tahun 2023 yang diadakan pada 23 Julai 2023.

# SISTEM DI JTKSM

## LABOUR MARKET DATABASE (LMD)

*Labour Market Database* (LMD) merupakan salah satu sistem utama yang digunakan dalam membantu operasi harian jabatan. Sistem ini digunakan untuk mengumpul dan merekod data-data perburuhan berkaitan aktiviti-aktiviti JTKSM. [Sistem ini dibangunkan secara *web-based* yang mudah diakses dengan menggunakan pelayar web]

Labour Market DATABASE (LMD 2.0) Department of Labour

## SISTEM E-LABOUR COURT (ELC)

eLC e-Labour Court

Sistem eLC dibangunkan bertujuan memudahkan urusan dan pelaksanaan tuntutan daripada pengadu berkaitan isu gaji atau apa-apa faedah kewangan. Sistem ini digunakan dalam semua urusan yang melibatkan pengendalian kes buruh bermula pada tahun 2015 bagi memastikan penyampaian perkhidmatan lebih efektif dan efisien.

## SISTEM PERMOHONAN PERAKUAN PENGINAPAN AKTA 446

Sistem Akta 446 merupakan satu sistem permohonan perakuan penginapan di bawah Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446].

Sistem ini dibangunkan bertujuan untuk membantu pelanggan membuat permohonan dan semakan status perakuan penginapan secara dalam talian melalui https://akta446.mohr.gov.my .



## SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (EPPAX)

ePPAx Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu

Sistem ePPAx merupakan sistem teras yang dibangunkan melalui konsep *single window* untuk menyediakan satu platform bersepadu bagi pengurusan berkaitan pekerja asing. Ini merangkumi aspek mekanisme permohonan, penyiasatan, membuat keputusan dan pemantauan berkaitan penggajian pekerja asing. Fasa 1 Sistem ePPAx telah digunakan mulai 1 Februari 2017 dan jabatan telah mengambil inisiatif membangunkan Fasa 2 sistem ini untuk penambahbaikan modul sedia ada serta pembangunan modul baharu bagi melengkapkan kitaran permohonan pengurusan pekerja asing secara holistik. Pelancaran Sistem ePPAx Fasa 2 telah diadakan pada 25 Oktober 2021.

# PERANCANGAN STATEGIK JABATAN

# PELAN STRATEGIK JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA 2021 - 2025

Pelan Strategik JTKSM 2021 - 2025 dirangka selaras dengan visi jabatan iaitu "Peneraju Penguatkuasaan, Perundangan dan Pentadbiran Perburuhan Negara". Penetapan kluster, strategi, dan inisiatif dalam pelan strategik jabatan digarap ke arah pemerkasaan keadilan sosial, *decent work* dan pendigitalan menerusi penguatkuasaan serta pengurusan strategik perburuhan negara.

Infografik 44: Kluster Pelan Strategik JTKSM 2021-2025..




Tahun 2023 menyaksikan JTKSM melakar kejayaan merealisasikan perancangan dalam pelan strategik antaranya pembangunan kompetensi teras NOSS iaitu Pentadbiran Penguatkuasaan Aktiviti Perburuhan Tahap 4 dan Pengurusan Penguatkuasaan Aktiviti Perburuhan Tahap 5, menaik taraf portal jabatan, menambah baik fasiliti Mahkamah Buruh, menaik taraf infrastruktur *call centre* jabatan, mempergiatkan penguatkuasaan undang-undang perburuhan melalui pemerkasaan Pasukan Khas Penguatkuasaan (PKP) dan operasi penguatkuasaan bersepadu serta meningkatkan program pendidikan perburuhan kepada kumpulan sasar termasuk institusi pengajian tinggi. Pelaksanaan inisiatif dalam pelan strategik telah memperkukuhkan peranan JTKSM dalam penyampaian perkhidmatan awam serta tadbir urus yang efektif dan efisien.

# PENCAPAIAN KEY PERFORMANCE INDICATOR (KPI) JABATAN 2023

JTKSM komited dan beriltizam untuk memastikan pengurusan perburuhan dan aktiviti penguatkuasaan yang ditetapkan sentiasa berpaksikan kepada keberhasilan demi memenuhi ekspektasi pekerja, majikan, pemegang taruh serta pihak berkepentingan. Oleh itu, petunjuk prestasi utama atau *Key Performance Indicator* (KPI) digunakan sebagai pengukuran prestasi untuk menilai dan melapor kemajuan pencapaian jabatan.

Pada tahun 2023, jabatan telah menetapkan sasaran terhadap sembilan aktiviti utama sebagai KPI dengan pencapaian sebanyak 91.5%. Pencapaian  mengikut aktiviti utama adalah seperti di Infografik 45.

Infografik 45:  Pencapaian KPI aktiviti utama JTKSM..



# MESYUARAT KAJIAN SEPARUH PENGGAL JTKSM 2023

Penilaian dan semakan semula pelaksanaan aktiviti jabatan adalah signifikan bagi memastikan aktiviti yang dirancang mempunyai keberhasilan dan impak yang relevan. Justeru, Mesyuarat Kajian Separuh Penggal Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia tahun 2023 dijadikan wadah untuk garapan pendekatan baharu yang membawa kepada kesinambungan dan penambahbaikan pelaksanaan aktiviti jabatan. Mesyuarat yang melibatkan pegawai-pegawai kanan jabatan telah diadakan pada 23 dan 24 Julai 2023 bertempat di Tasik Villa International Resort, Negeri Sembilan dengan bertemakan "*Energizing Labour Protection Through Enforcement*". Tema ini menunjukkan bahawa pemerkasaan pengukuhan penguatkuasaan terutamanya melalui pemeriksaan perburuhan adalah pemangkin bagi memastikan pekerja menerima perlindungan dan hak selaras dengan peruntukan undang-undang perburuhan yang dikuatkuasakan oleh jabatan. Fokus Mesyuarat Kajian Penggal JTKSM 2023 adalah seperti di Infografik 46.

Infografik 46: Fokus Mesyuarat Kajian Penggal JTKSM 2023.



# PERSIDANGAN HALA TUJU 2024 PEGAWAI-PEGAWAI KANAN JTKSM

Inisiatif dan pencapaian pada tahun 2023 serta perancangan JTKSM pada tahun 2024 mencerminkan komitmen dan ketegasan jabatan untuk mengukuhkan kemapanan tadbir urus jabatan serta memperkasakan aktiviti penguatkuasaan, sejajar dengan nilai keadilan sosial yang dijunjung tinggi dalam prinsip Madani.

Bertemakan "Pengukuhan Penguatkuasaan & Kemapanan Integriti Kunci Kelestarian Malaysia Madani", jabatan telah menganjurkan Persidangan Hala Tuju 2024 Pegawai-Pegawai Kanan JTKSM melibatkan pegawai-pegawai kanan pada 20 hingga 22 November 2023 di The Zenith Hotel (Cameron), Pahang Darul Makmur. Objektif persidangan ini adalah untuk menganalisis pencapaian KPI jabatan bagi tahun 2023 serta menetapkan sasaran KPI bagi tahun 2024. Resolusi Persidangan Hala Tuju 2024 Pegawai-Pegawai Kanan JTKSM adalah seperti di Infografik 47.

Infografik 47: Resolusi Persidangan Hala Tuju 2024 Pegawai-Pegawai Kanan JTKSM.

1. "Melaksana dan mencapai sasaran aktiviti utama *Key Performance Indicator* (KPI) dan Arahan Pentadbiran yang ditetapkan."
2. "Melaksanakan kawalan perbelanjaan dengan rapi mengikut peraturan yang ditetapkan dan dilaksanakan secara berhemat, bersederhana dan selari dengan keperluan sebenar."
3. "Mempertingkat keberkesanan penguatkuasaan undang-undang perburuhan dalam memastikan perlindungan kebajikan pekerja dan kepentingan majikan."
4. "Memperkasa ilmu pengetahuan dan kemahiran warga JTKSM menerusi pengukuhan kapasiti serta latihan ke arah pelaksanaan perkhidmatan yang efektif dan efisien."
5. "Mengiktiraf kemahiran pegawai sebagai laluan untuk mencapai keterampilan dan mempunyai nilai tambah dalam melaksanakan tugasan dan amanah yang diberikan kepada jabatan."
6. "Meningkatkan literasi anggota masyarakat berhubung fungsi dan peranan jabatan serta pelaksanaan undang-undang perburuhan terkini melalui aktiviti pendidikan perburuhan di peringkat negeri, nasional dan antarabangsa."
7. "Menyemak semula profil korporat bagi memastikan penyampaian perkhidmatan jabatan sentiasa relevan dan selaras dengan keperluan serta perkembangan semasa."
8. "Memperkasa pendigitalan dan pemodenan dalam pelaksanaan tugasan dan aktiviti jabatan secara cekap."
9. "Mengoptimum sumber manusia jabatan melalui penyusunan pegawai dalam menyeimbangkan keperluan, tugas dan amanah setiap Pejabat Tenaga Kerja."

# SULAMAN MEMORI

## MESYUARAT KAJIAN SEPARUH PENGGAL 2023

23 -24 JULAI 2023







## PELANCARAN PORTAL BAHARU JTKSM

**23 JULAI 2023**





## PERSIDANGAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN JTKSM 2024

**20 - 22 NOVEMBER 2023**









## PERSIDANGAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN JTKSM 2024

**20 - 22 NOVEMBER 2023**



















## SEMINAR ON COMBATTING FORCED LABOUR IN MALAYSIA






ZON SELATAN
(24 OKTOBER 2023)




ZON TIMUR
(15 NOVEMBER 2023)





ZON UTARA
(24 OKTOBER 2023)

## SEKITAR GAMBAR OPERASI PENGUATKUASAAN

### OPS MATELA DAN OPS IPOH













# SEKITAR GAMBAR OPERASI PENGUATKUASAAN

## OPS WALIT









## SEKITAR GAMBAR OPERASI PENGUATKUASAAN

### OPS JOHOR BAHRU







## THE 12TH ASEAN LABOUR INSPECTION CONFERENCE DAN ASEAN LABOUR INSPECTION COMMITTEE MEETING DI MERUSAKA, INDONESIA

**5-7 DISEMBER 2023**






## PROGRAM PENDIDIKAN PERBURUHAN










## SAMBUTAN HARI PEKERJA 2023 DI PICC, PUTRAJAYA

**1 MEI 2023**










## SAMBUTAN HARI PEKERJA 2023 DI PICC, PUTRAJAYA

**1 MEI 2023**















## SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI

**19 MEI 2023**























## KAYUHAN BASIKAL SAMBUTAN KEMERDEKAAN

**2 OGOS 2023**












## PERTANDINGAN DEKLAMASI PUISI SEMPENA SAMBUTAN KEMERDEKAAN

**25 OGOS 2023**






















## HI-TEA KELAB KASIH JTKSM

**22 SEPTEMBER 2023**













## HI-TEA KELAB KASIH JTKSM

**22 SEPTEMBER 2023**














## SUKAN DALAMAN

**6 OKTOBER 2023**











## SESI POCKET TALKS SETAHUN KERAJAAN MADANI

**9 DISEMBER 2023**






## LAWATAN Y.B. MENTERI SUMBER MANUSIA KE JTKSM

**20 DISEMBER 2023**









## JTK NEGERI JOHOR



Jabatan Tenaga Kerja Negeri Johor mempunyai 5 buah pejabat cawangan iaitu:

i. Pejabat Tenaga Kerja Johor Bahru
ii. Pejabat Tenaga Kerja Kluang
iii. Pejabat Tenaga Kerja Segamat
iv. Pejabat Tenaga Kerja Muar
v. Pejabat Tenaga Kerja Batu Pahat












## JTK NEGERI KEDAH



Jabatan Tenaga Kerja Negeri Kedah mempunyai 4 buah pejabat cawangan iaitu:

i. Pejabat Tenaga Kerja Alor Setar
ii. Pejabat Tenaga Kerja Kulim
iii. Pejabat Tenaga Kerja Sungai Petani
v. Pejabat Tenaga Kerja Langkawi











# JTK NEGERI SEMBILAN



Jabatan Tenaga Kerja Negeri Sembilan mempunyai 2 buah pejabat cawangan iaitu:

i. Pejabat Tenaga Kerja Seremban
ii. Pejabat Tenaga Kerja Kuala Pilah













# JTK NEGERI MELAKA



Jabatan Tenaga Kerja Negeri Melaka mempunyai 1 buah pejabat cawangan iaitu:

i. Pejabat Tenaga Kerja Melaka











# JTK NEGERI PAHANG



Jabatan Tenaga Kerja Negeri Pahang mempunyai 5 buah pejabat cawangan iaitu:

i. Pejabat Tenaga Kerja Kuantan
ii. Pejabat Tenaga Kerja Bentong
iii. Pejabat Tenaga Kerja Raub
iv. Pejabat Tenaga Kerja Temerloh
v. Pejabat Tenaga Kerja Pekan













# JTK NEGERI TERENGGANU

Jabatan Tenaga Kerja Negeri Terengganu mempunyai 4 buah pejabat cawangan iaitu :

i. Pejabat Tenaga Kerja Kuala Terengganu
ii. Pejabat Tenaga Kerja Kemaman
iii. Pejabat Tenaga Kerja Dungun
iv. Pejabat Tenaga Kerja Setiu









# JTK NEGERI KELANTAN



Jabatan Tenaga Kerja Negeri Kelantan mempunyai 2 buah pejabat cawangan iaitu:

i. Pejabat Tenaga Kerja Kota Bharu
ii. Pejabat Tenaga Kerja Kuala Krai









## JTK NEGERI PULAU PINANG

Jabatan Tenaga Kerja Negeri Pulau Pinang  mempunyai 2 buah pejabat cawangan iaitu:

i.  Pejabat Tenaga Kerja Georgetown
ii. Pejabat Tenaga Kerja Butterworth







## JTK NEGERI PERAK



Jabatan Tenaga Kerja Negeri Perak mempunyai 7 buah pejabat cawangan iaitu;

i. Pejabat Tenaga Kerja Ipoh
ii. Pejabat Tenaga Kerja Kuala Kangsar
iii. Pejabat Tenaga Kerja Taiping
iv. Pejabat Tenaga Kerja Tapah
v. Pejabat Tenaga Kerja Teluk Intan
vi. Pejabat Tenaga Kerja Sitiawan
vii. Pejabat Tenaga Kerja Grik













# JTK NEGERI PERLIS



Jabatan Tenaga Kerja Perlis mempunyai 1 buah pejabat cawangan iaitu;

i. Pejabat Tenaga Kerja Kangar














# JTK WP KUALA LUMPUR



Jabatan Tenaga Kerja WP Kuala Lumpur mempunyai 1 buah pejabat cawangan iaitu;

i. Pejabat Tenaga Kerja Kuala Lumpur













# PEJABAT TENAGA KERJA WP LABUAN



Pejabat Tenaga Kerja WP Labuan mempunyai 1 buah pejabat cawangan.







## JTK NEGERI SELANGOR



Jabatan Tenaga Kerja Negeri Selangor mempunyai 5 buah pejabat cawangan iaitu;

i. Pejabat Tenaga Kerja Subang Jaya
ii. Pejabat Tenaga Kerja Pelabuhan Klang
iii. Pejabat Tenaga Kerja Rawang
iv. Pejabat Tenaga Kerja Bangi
v. Pejabat Tenaga Kerja Kuala Selangor











# PEJABAT JTKSM

## Ibu Pejabat

**Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia**
Aras 5, Setia Perkasa 3, Kompleks Setia Perkasa, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62530, Putrajaya, Malaysia
03-88865192
jtksm@mohr.gov.my

## Selangor

**Jabatan Tenaga Kerja Negeri Selangor**
Suite A405-7 Tingkat, 3A West Wing, Wisma Consplant 2, No 7 Jalan SS 16/1, 47500 Subang Jaya, Selangor
03-56328800 / 03-56361605
jtknselangor@mohr.gov.my

**Jabatan Tenaga Kerja Cyberjaya**
Unit W001, Tingkat Bawah, Blok 3440,EB1, Jalan Teknokrat 3, 63000 Cyberjaya, Selangor
jtkdcyberjaya@mohr.gov.my

**Jabatan Tenaga Kerja Subang Jaya**
Lot B210 & C208, Tingkat 2, East Wing Wisma Consplant 2, No. 7 Jalan SS16/1, 47509 Subang Jaya, Selangor
03-56384535
jtkdsjaya@mohr.gov.my

**Pejabat Tenaga Kerja Rawang**
Lot 3, Jln RP 4/1, Taman Rawang Perdana, 48000 Rawang, Selangor
03-60916533
jtkdrawang@mohr.gov.my

**Pejabat Tenaga Kerja Pelabuhan Klang**
Persiaran Raja Muda Musa, 42000 Pelabuhan Kelang, Selangor
03-31656555 / 1413
jtkdklang@mohr.gov.my

**Pejabat Tenaga Kerja Kuala Selangor**
Tingkat 7, Kompleks PKNS, 45000 Kuala Selangor, Selangor
03-32896467 / 6471
jtkdkselangor@mohr.gov.my

## Kuala Lumpur

**Jabatan Tenaga Kerja Wilayah Persekutuan**
Tingkat 17, Menara PERKESO, 281 Jalan Ampang, 50532 WP Kuala Lumpur
03-41414600
jtknklumpur@mohr.gov.my

**Pejabat Tenaga Kerja Kuala Lumpur**
Tingkat 9, Menara PERKESO, 281 Jalan Ampang, 50532 WP Kuala Lumpur
03-41414600
jtkdklumpur@mohr.gov.my

## Pahang

**Jabatan Tenaga Kerja Negeri Pahang**
Tingkat 6, Bangunan Persekutuan, Jalan Gambut, 25532 Kuantan, Pahang.
Telefon: 09-5162709
jtknpahang@mohr.gov.my

**Pejabat Tenaga Kerja Pekan**
Tingkat 2B, Bangunan Tabung Haji, Jalan Tengku Ampuan, 26600 Pekan, Pahang
09-4221319 / 4227573
jtkdpekan@mohr.gov.my

**Pejabat Tenaga Kerja Raub**
Tingkat 2, Bangunan Gunasama Persekutuan, Jalan Tengku Abd Samad, Bukit Koman, 27600 Raub, Pahang
09-3551166
jtkdraub@mohr.gov.my

**Pejabat Tenaga Kerja Kuantan**
Tingkat 2, Bangunan Persekutuan, Jalan Gambut, 25532 Kuantan, Pahang
09-5163144 / 5146042
jtkdkuantan@mohr.gov.my

**Pejabat Tenaga Kerja Bentong**
P18-1 & P19-1, Jalan MG2, Pusat Perniagaan Mutiara Gemilang, 28700 Bentong, Pahang
09-2221402
jtkdbentong@mohr.gov.my

**Pejabat Tenaga Kerja Temerloh**
Tingkat 4, Bangunan Persekutuan, Jalan Merdeka, 28000 Temerloh, Pahang
09-2961207
jtkdtemerloh@mohr.gov.my

## Melaka

**Jabatan Tenaga Kerja Negeri Melaka**
Aras 4, Menara Persekutuan, Jln Persekutuan, MITC Ayer Keroh, 75450 Melaka.
06-2345172 / 5175 / 5176
jtknmelaka@mohr.gov.my

**Pejabat Tenaga Kerja Melaka**
Aras 4, Menara Persekutuan, Jln Persekutuan, MITC Ayer Keroh, 75450 Melaka.
06-2345172 / 175 / 176
jtknmelaka@mohr.gov.my

## Johor

**Jabatan Tenaga Kerja Johor**
Tingkat 3, Blok A, Wisma Persekutuan, Wisma Jalan Ayer Molek, 80000 Johor Bahru, Johor
07-2275080 / 81 / 82
jtknjohor@mohr.gov.my

**Pejabat Tenaga Kerja Segamat**
No 856, Jalan Gudang Ubat, 85000 Segamat, Johor
07-9317237 / 1414
jtkdsegamat@mohr.gov.my

**Pejabat Tenaga Kerja Batu Pahat**
Aras 1, Bangunan Gunasama Persekutuan, Jalan Bakau Condong, 83000 Batu Pahat, Johor.
07-4342595 / 4332595
jtkdbpahat@mohr.gov.my

**Pejabat Tenaga Kerja Johor Bahru**
Tingkat 9 & 10, Menara Ansar, 65, Jalan Trus, 80000 Johor Bahru, Johor
03-56384535
jtkdsjaya@mohr.gov.my

**Pejabat Tenaga Kerja Muar**
Bangunan Kementerian Sumber Manusia, Jalan Othman, 84000 Muar, Johor
06-9511672 / 9520625
jtkdmuar@mohr.gov.my

**Pejabat Tenaga Kerja Kluang**
Persiaran Raja Muda Musa, 42000 Pelabuhan Kelang, Selangor
07-7721646 / 7722646
jtkdkluang@mohr.gov.my

## Perak

**Jabatan Tenaga Kerja Negeri Perak**
No 2C1, 2C2, Aras G Blok C, Bangunan Persekutuan Greentown, 30450 Ipoh, Perak
04-7322655 / 7314420
jtknkedah@mohr.gov.my

**Pejabat Tenaga Kerja Ipoh**
No. 2A3, 2A4, Tingkat 2 Blok A, Bangunan Persekutuan Greentown, 30430, Ipoh, Perak.
05-2549404
jtkdipoh@mohr.gov.my

**Pejabat Tenaga Kerja Taiping**
Tingkat 3,Wisma Persekutuan Taiping, Jalan Istana Larut, 34009 Taiping, Perak.
05-8072655
jtkdtaiping@mohr.gov.my

**Pejabat Tenaga Kerja Teluk Intan**
Tingkat 1, Blok B, Bangunan Persekutuan, Jln Changkat Jong, 36000 Teluk Intan, Perak
05-6221199
jtkdintan@mohr.gov.my

**Pejabat Tenaga Kerja Kuala Kangsar**
No.9 & 10, Persiaran Putra 1, Jalan Taiping, 33000 Kuala Kangsar, Perak
05-7763255
jtkdkkangsar@mohr.gov.my

**Pejabat Tenaga Kerja Tapah**
Jln Kelab, 35000 Tapah, Perak
05-4011509
jtkdtapah@mohr.gov.my

**Pejabat Tenaga Kerja Sitiawan**
Tingkat 1, Bangunan Persekutuan Sri Manjung, Jalan Kayu Manis, 32040 Sitiawan, Perak
05-6888643
jtkdsitiawan@mohr.gov.my

## Perlis

**Jabatan Tenaga Kerja Negeri Perlis**
Tingkat 3, Bangunan Tun Abd Razak, 01000 Kangar, Perlis
04-9761415
jtknperlis@mohr.gov.my

**Pejabat Tenaga Kerja Kangar**
Tingkat 1, Bangunan Tun Abd Razak, 01000 Kangar, Perlis
04-9771928
jtkdkangar@mohr.gov.my

## Kedah

**Jabatan Tenaga Kerja Negeri Kedah**
Aras 5, Zon A, Wisma Persekutuan, Pusat Pent. Kerajaan Persekutuan, 06550 Bandar Muadzam Shah, Anak Bukit, Kedah
04-7322655 / 7314420
jtknkedah@mohr.gov.my

**Pejabat Tenaga Kerja Langkawi**
Unit 32G & 33G, Langkawi Blvd, Jalan Mahawangsa 1, Kuah, 07000 Langkawi, Kedah
04-9667173 / 9669173
jtkdlangkawi@mohr.gov.my

**Pejabat Tenaga Kerja Alor Setar**
Aras 5, Zon A, Wisma Persekutuan, Pusat Pent. Kerajaan Persekutuan, 06550 Bandar Muadzam Shah, Anak Bukit, Kedah
04-7300700 / 7317239
jtkdasetar@mohr.gov.my

**Pejabat Tenaga Kerja Kulim**
Lot 3, Seksyen 39, Jln Pondok Labu, 09000 Kulim, Kedah.
04-4906566 / 4909093 / 9111
jtkdkulim@mohr.gov.my

**Pejabat Tenaga Kerja Sg Petani**
Tingkat 4, Kompleks SP Plaza, Jalan Ibrahim,08000, Sg Petani, Kedah
04-4212510 / 4212213
jtkdsgpetani@mohr.gov.my

## Pulau Pinang

**Jabatan Tenaga Kerja Negeri Pulau Pinang**
Tingkat 1, Bangunan Tuanku Syed Putra, 10300 Pulau Pinang
04-2632087/04-2613324/ 3123
jtknppinang@mohr.gov.my

**Pejabat Tenaga Kerja Georgetown**
Tingkat 2, Bangunan Tuanku Syed Putra, Lebuh Downing, 10300 Pulau Pinang
04-2625536/ 5537/ 5538
jtkdgtown@mohr.gov.my

**Pejabat Tenaga Kerja Butterworth**
Aras 2, Anjung B, Wisma Persekutuan Seberang Perai Utama, Jalan Bertam, 13200 Kepala Batas
04-5751957
jtkdbworth@mohr.gov.my

## Negeri Sembilan

**Jabatan Tenaga Kerja Negeri Sembilan**
Tingkat 3, Wisma Persekutuan Jalan Dato' Abdul Kadir, 70000 Seremban, Negeri Sembilan
06-76389977
jtknsembilan@mohr.gov.my

**Pejabat Tenaga Kerja Seremban**
Tingkat 3, Wisma Persekutuan Jalan Dato' Abdul Kadir 70000 Seremban, Negeri Sembilan
06-7645019 / 7616517 / 7632459
jtkdseremban@mohr.gov.my

**Pejabat Tenaga Kerja Kuala Pilah**
564, Tingkat 2, Wisma Kuala Pilah, Jalan Pepatih, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan
06-4811166 / 69
jtkdkpilah@mohr.gov.my

## Terengganu

**Jabatan Tenaga Kerja Negeri Terengganu**
Tingkat 6, Wisma Persekutuan, Jalan Sultan Ismail, 20200 Kuala Terengganu, Terengganu
09-6203791 / 3793
jtkntrgnu@mohr.gov.my

**Pejabat Tenaga Kerja Kuala Terengganu**
Jalan Air Jernih, 20300 Kuala Terengganu, Terengganu
09-6221488 / 9781
jtkntrgnu@mohr.gov.my

**Pejabat Tenaga Kerja Kemaman**
Tingkat 2, Bangunan Persekutuan, Jalan Melur, 24000 Kemaman, Terengganu
09-8591831 / 6343
jtkdkemaman@mohr.gov.my

**Pejabat Tenaga Kerja Dungun**
JKR 488, Jalan Pejabat, 23000 Dungun, Terengganu
09-8481844 / 8453037
jtkddungun@mohr.gov.my

**Pejabat Tenaga Kerja Setiu**
Lot 100, Jln Besar, 2200 Jerteh, Terengganu
09-6902175
jtkdsetiu@mohr.gov.my

## Labuan

**Jabatan Tenaga Kerja Wilayah Persekutuan Labuan**
Tingkat 6, Blok 4, Kompleks Ujana Kewangan, Jalan Merdeka, 87000 Wilayah Persekutuan Labuan
087-412753
jtkdlabuan@mohr.gov.my

# SIDANG REDAKSI

# SIDANG REDAKSI



1. Benifaceus bin Gidok @ Basil
2. Mohd Salmi Haizad Bin Saad
3. Haji Nasir bin Haji Kassim
4. Mohd Qhairil Syah Bin Salongga@Salim
5. Mohd Faizal bin Ahmad Termizi
6. Lokman bin Jusoh




7. Nurul Anyza binti Mohamad Fauzi
8. Norlia Anak Jawor
9. Junaidah binti Tukiman
10. Irzawina binti Tahir
11. Idawati binti Ibus
12. Aida binti Mustaffa
13. Kala a/p Thangarajoo
14. Nur Ruzaini binti Jamaludin
15. Nurul Ay-Yusrina Binti Fakhrurrazi
16. Farhana binti Zahari
17. Jennifer binti Abdul
18. Rina Binti Mohd Saari
19. Anujah A/P Vasuthevan (tiada dalam gambar)

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

**Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia**
Aras 5, Setia Perkasa 3, Kompleks Setia Perkasa
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62530, Putrajaya, Malaysia

Telefon : 603-88865192
E-mel : jtksm@mohr.gov.my